



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
**PARLIAMENTARY DEBATES**

**DEWAN NEGARA**  
*Senate*

**PARLIMEN KETUJUH**  
**Parliament Seventh**  
**PENGGAL KETIGA**  
*Session Third*

---

**Jilid III**

**Bil. 7**

**Hari Selasa**

**4hb April, 1989**

---

KANDUNGANNYA

MENGANGKAT SUMPAH:

**T.B. Tuan G. Rajoo** (Ruangan 1)

PENGUMUMAN TUAN YANG DIPERTUA:

**Mengalu-alukan Ahli Baru** (Ruangan 1)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan 1)

RANG UNDANG-UNDANG

**Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka)(Pindaan)** (Ruangan 39)

**Rang Undang-undang Kanun Prosedur Jenayah (Pindaan)** (Ruangan 49)

**Rang Undang-undang Peguambela (Sabah)(Pindaan)** (Ruangan 54)

**Rang Undang-undang Peguambela (Sarawak)(Pindaan)** (Ruangan 59)

**Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan)** (Ruangan 65)



**MALAYSIA**

**DEWAN NEGARA**

**Selasa, 4hb April, 1989**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

**MENGANGKAT SUMPAAH**

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

Tuan Rajoo a/l Desari @ Govindasamy.

**PENGUMUMAN TITAH YANG DI-PERTUA**

**MENGALU-ALUKAN AHLI BARU**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat Sumpah sebentar tadi. Saya berharap semoga Ahli yang baru dilantik semula itu dapat memberikan sumbangan yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya dan semoga beliau dapat berkhidmat dengan cemerlang.

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**CARIGALI MINYAK DI KELANTAN**

1. **Tuan Hassan bin Harun** minta Perdana Menteri menyatakan:
  - (a) benarkah usaha carigali minyak di pantai Kelantan telah berjaya dan sekiranya betul, siapakah yang akan mengeluarkannya dan bila;
  - (b) berapa banyakkah anggaran hasil yang akan dinikmati oleh Kerajaan Kelantan; dan
  - (c) apakah rancangan-rancangan dan faedah-faedah yang akan dinikmati oleh penduduk-penduduk tempatan berhubung dengan ini.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Kasitah bin Gaddam]:** Tuan Yang di-Pertua, usaha mencarigali minyak dan gas di perairan negeri Kelantan belum lagi berjaya menemui minyak di dalam kuantiti yang komersial. Di dalam tahun tujuh-puluhan, Syarikat Esso telah menggerudi dua telaga tetapi gagal menemui minyak.

Pada bulan Ogo, 1988, kawasan tersebut yang dikenali sebagai Blok PM2, telah diserahkan pula kepada sebuah konsortium terdiri daripada Home Oil Malaysia Ltd., Peero-Canada Malaysia Inc., Texaco Canada Malaysia Inc., PEXCO N.V. dan PETRONAS Carigali.

Mengikut Kontrak Perkongsian Pengeluaran yang ditandatangani dengan PETRONAS, konsortium ini akan membelanjakan \$43 juta untuk kerja-kerja mencarigali di dalam tempoh tiga tahun dan menggerudi empat telaga rambang di kawasan ini, bermula pada penghujung tahun ini. Jika minyak ditemui dalam kuantiti yang komersial, maka konsortium ini akan bertanggungjawab mengeluarkannya.

Sekiranya minyak diperolehi di kawasan berhadapan dengan negeri Kelantan, maka Kerajaan Negeri Kelantan akan menerima hasil royalti sebanyak 5% daripada minyak dan gas yang dikeluarkan sebagaimana yang diterima oleh negeri Terengganu, Sabah dan Sarawak.

Oleh kerana minyak masih belum ditemui, maka adalah terlalu awal bagi Kerajaan mengumumkan rancangan-rancangan petroleum yang boleh memberi faedah kepada rakyat. Walau bagaimanapun, apabila bermulanya aktiviti-aktiviti mencarigali di kawasan ini, maka rakyat setempat akan mendapat peluang untuk menyertai kontrak-kontrak, perkhidmatan-perkhidmatan yang bersangkutan dengan usaha mencarigali. Adalah dipercayai, peningkatan aktiviti-aktiviti ini akan menggalakkan perkembangan industri-industri sokongan petroleum di kalangan kawasan-kawasan setempat.

**BEKALAN ELEKTRIK DI MUAR - GANGGUAN**

**2. Tuan Lau Keng Siong** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah langkah-langkah dan rancangan-rancangan yang akan dilaksanakan oleh Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos untuk mengatasi masalah berikut:

Bekalan elektrik dalam daerah Muar terutamanya di kawasan Jerum, Bukit Bakri, Tanjung Agas dan lain-lain tempat sentiasa tergendala. Keadaan yang tidak memuaskan seperti ini sangatlah mengganggu perniagaan dan kerja-kerja di kilang. Tekanan kereaktifan elektrik tidak cukup kuat di kebanyakan tempat.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos [Tuan Ong Tin Kim]:** Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Letrik Negara (LLN) memang sedia maklum dan telah mengenalpasti masalah gangguan bekalan elektrik dan kekurangan voltan di kawasan Jerum, Bukit Bakri dan Tanjong Agas.

Langkah jangka pendek untuk mengatasi masalah ini sedang dilaksanakan oleh LLN dengan mengukuhkan sistem pembahagian voltan tinggi 11 KV. Projek ini melibatkan pemasangan dua kabel yang berkeupayaan tinggi daripada pencawang masuk utama di Sungai Ria sebagai saluran punca bekalan kedua kepada kawasan-kawasan yang terlibat.

Kabel-kabel ini akan juga meringankan beban daripada pencawang masuk utama, Bakri yang sedang membekal tenaga elektrik ke kawasan-kawasan terlibat. Projek ini akan siap dalam tahun ini dan akan dapat mengurangkan bilangan kerosakan dan mempercepatkan pemulihan bekalan di kawasan-kawasan tersebut.

Sebagaimana perancangan jangka panjang, satu pencawang masuk utama baru akan ditubuhkan di kawasan Sungai Mati dan kabel-kabel akan direntang daripada pencawang baru ini untuk mengambil alih beban yang sedia ada dan penambahan beban yang dijangka meningkat di kawasan perindustrian Tanjong Agas.

**PELARIAN VIETNAM BEKERJA DI LADANG-LADANG**

3. **Tuan C. Krishnan** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk menggunakan tenaga rakyat para pelarian Vietnamese untuk bekerja di ladang-ladang di mana kita menghadapi kekurangan para pekerja sebagai gantian untuk mengimport pekerja-pekerja asing.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak bercadang untuk menggunakan tenaga orang-orang pelarian Vietnam untuk bekerja di ladang-ladang di negara ini.

Pendatang-pendatang haram Vietnam ini akan dipindahkan ke negara-negara ketiga dan saki-bakinya akan dihantar pulang semula ke negara asal mereka.

**SUKAN SEA KE XV - JUMLAH ATLIT**

4. **Tuan Haji Syed Abdul Hamid bin Sagaff** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan anggaran jumlah peserta dan perbelanjaan Sukan SEA Ke XV di Kuala Lumpur.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sultan [Tuan Haji Awang bin Jabar]:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah atlit yang dijangka akan menyertai Sukan SEA Ke XV ialah lebih kurang 2,800 orang seperti pecahan berikut:-

Brunei Darussalam	200 orang
Burma	150 orang
Filipina	350 orang
Indonesia	500 orang
Laos	50 orang
Malaysia	700 orang.
Singapura	400 orang
Thailand	400 orang
Vietnam	50 orang

Selain daripada itu penglibatan para pegawai dan lain-lain dianggarkan seperti berikut:-

(i) Pegawai dari negara-negara luar (iaitu antarabangsa)	-	200 orang
(ii) Pegawai teknikal dan pembantu	-	1,000 orang
(iii) Pemberita (Liputan media massa)	-	400 orang
(iv) Penglibatan orang awam dalam kelolaan	-	10,000 orang

Adalah dianggarkan pengelolaan Sukan SEA Ke XV 1989 akan memakan belanja sebanyak 310 juta.

**Tuan Azumu bin Tak:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana perbalahan yang berlaku di antara Persatuan-persatuan Lumba Basikal yang ada di negara kita pada hari ini, adakah kemungkinan pelumba-pelumba basikal tidak mengambil bahagian di dalam Sukan SEA Ke XV nanti mewakili negara kita?

**Tuan Haji Awang bin Jabar:** Tuan Yang di-Pertua, masalah ini sedang dicari jalan untuk menyelesaikannya bagi memastikan yang kontijen daripada negara kita akan mengambil bahagian.

**Tuan Tan Chai Ho:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta Yang Berhormat menjelaskan berapa pingkat emas dijangka akan diperolehi oleh peserta sukan negara kita dan berdasarkan kriteria apakah pingkat emas itu dijangka dapat diperolehi?

**Tuan Haji Awang bin Jabar:** Tuan Yang di-Pertua, kita mengharapkan banyak pingkat emas yang akan kita perolehi. Ini didasari kepada kerja-kerja dan usaha-usaha kuat kita bagi mempertingkatkan mutu kontijen daripada negara kita sendiri.

#### PELAJAR SEKOLAH MENENGAH - MASALAH DISIPLIN

5. **Tuan P. Balaram** minta Menteri Pendidikan menyatakan bahawa berapa ramaikah penuntut-peanut Sekolah Menengah dihukum atas sebab-sebab disiplin pada tahun 1938 dan berapa ramaikah di antara mereka dibuang sekolah.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dr. Leo Michael Toyad]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seramai 231,898 orang pelajar sekolah menengah telah dihukum atas sebab-sebab disiplin.



Daripada bilangan tersebut, 613 orang atau 0.26% telah dikenakan tindakan buang sekolah. Pada keseluruhannya, tindakan pihak Kementerian Pendidikan lebih mirip kepada berbentuk nasihat dan amaran jika dibandingkan dengan tindakan atau penghukuman yang lebih berat seperti rotan, menggantung dan membuang sekolah.

**Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan menyatakan, apakah Kementerian bercadang untuk mengadakan khidmat kawalan di sekolah-sekolah? Apa yang saya tahu ada sebuah sekolah telah menggunakan, khidmat kawalan untuk menjaga disiplin sekolah terutamanya yang ponteng sekolah. Terima kasih.

**Dr. Leo Michael Toyad:** Kita memang sentiasa mengadakan program-program di sekolah-sekolah kita untuk mengatasi masalah disiplin di kalangan pelajar-pelajar kita dan ini berbentuk sebagai badan-badan dari pegawai-pegawai pendidik kita dan juga badan-badan yang dibentuk seperti dari rakan sebaya pelajar-pelajar yang telah dipilih dan juga yang telah mengambil bahagian secara sukarela untuk berusaha menjaga kegiatan-kegiatan yang tidak sihat dalam sekolah mereka. Jadi, kalau Ahli Yang Berhormat menyentuh masalah kawalan dari luar atau tidak berbentuk dalam struktur Kementerian Pendidikan, ini adalah atas budibicara sekolah-sekolah tertentu bila keadaan perlu untuk mengatasikan masalah tersebut.

**Puan Ainon binti Ariffin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya dua soalan tambahan kepada Timbalan Menteri Pendidikan. Yang pertama, adakah dibuat kajian apakah yang menyebabkan keliaran dan melanggar disiplin yang begitu ramai jumlahnya ini? Yang kedua, saya ingin bertanya berkenaan 613 orang yang dibuangkan sekolah itu tidakkah mereka ini dihantar ke sekolah-sekolah pemulihan akhlak atau mereka hanya dibuang sekolah dan dibiarkan menjadi penyakit kepada masyarakat umum pula?

**Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kebanyakan yang telah dibuang sekolah adalah terpaksa dibuang sekolah kerana mereka ini melanggar disiplin dan terlibat dengan kegiatan-kegiatan yang boleh dikatakan kena hukum di peringkat mahkamah termasuk seperti peras ugut dan juga kegiatan yang terlibat dengan dadah yang lebih berat. Jadi, dalam soal ini adalah mereka mengikutkan perintah-perintah yang telah diberi kepada mereka iaitu kadang-kadang diberi jaminan dan juga dihantar ke sekolah pemulihan akhlak di mana diperlukan dan diarahkan.

Mengenai kajian-kajian berkenaan pelajar-pelajar kita yang melanggar disiplin, fakta-fakta yang melibatkan mereka ini dalam kegiatan walaupun ini tidak begitu menyeluruh tetapi sebenarnya kegiatan-kegiatan itu adalah berpunca dari berbagai fakta seperti ponteng sekolah oleh sebab mereka ini mungkin tidak dikawal rapi oleh pihak-pihak sekolah bukan pihak sekolah-sekolah sahaja tetapi juga dari pihak-pihak masyarakat termasuk ibu-bapa. Jadi, kalau kita ingin menelitikan satu-persatu sebab-sebab memang ia berpunca semua lapisan tetapi kita bersyukurlah kerana masalah ini adalah tidak begitu berat dalam masyarakat pelajar-pelajar kita secara menyeluruh.

**Puan Mazidah binti Haji Zakaria:** Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan ialah kes-kes disiplin ini kebanyakannya berlaku di daerah mana dan jenis sekolah macam mana bentuknya itu satu. Yang keduanya daripada jawapan yang diberikan tadi di mana kita tidak dapat menyalahkan hanya sekolah sahaja untuk mengambil tindakan tertentu bagi mengurangkan kes-kes disiplin ini, saya ingin bertanya sama ada ada atau tidak langkah-langkah ataupun program-program tertentu yang disusun oleh pihak Kementerian atau Jabatan Pendidikan di peringkat kebangsaan, negeri mahupun daerah menyusun sesuatu perkara yang dapat melibatkan persatuan sukarela seperti PIBG ataupun persatuan wanita, persatuan rotary club dan lain-lainnya dalam sama-sama membantu membanteras atau mengurangkan kes-kes disiplin ini?

**Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, kes-kes disiplin yang begitu berat ialah kebanyakannya di sekolah-sekolah di kawasan bandar di mana pengaruh-pengaruh wujud dan juga kerana sekolah-sekolah di mana kawalan-kawalan untuk murid-murid itu lebih tidak begitu senang untuk dijalankan seperti di bandar-bandar yang besar. Jadi, untuk mengatasi masalah ini, Kementerian Pendidikan di peringkat Kementerian dan juga di peringkat negeri telah mengadakan kegiatan-kegiatan untuk mengatasi masalah ini bekerjasama dengan pihak-pihak ibu-bapa. Misalnya, satu program yang saya boleh katakan, kalau Ahli Yang Berhormat ingin mengetahui, satu program yang dekat di sini ialah satu program yang dijalankan oleh Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan di mana ia melibatkan Persatuan Ibu Bapa dan juga badan-badan atau agensi lain seperti Polis Di-Raja, Jabatan Agama dan juga jabatan-jabatan yang terlibat dalam kegiatan-kegiatan sekolah dan dicantumkan dalam satu jawatankuasa yang merancang program untuk menjaga disiplin dan juga mengatasi masalah ini menerusi perbincangan dan juga sefahaman di antara ibu-bapa dan masyarakat seterusnya dengan pihak-pihak pendidikan dan sekolah.

**Tuan Mustafa bin Awang:** Tuan Yang di-Pertua, selain daripada beberapa punca yang menyebabkan murid-murid sekolah ini menjadi ganas dan liar, tidakkah Kementerian Pendidikan sedar bahawa di kalangan guru-guru juga ada yang menyebabkan murid-murid ini menjadi

liar seperti hisap dadah dan lain-lain. Saya telah difahamkan ada satu dua orang guru-guru sekolah menengah sendiri di kawasan bandar telah menjual dadah kepada anak-anak muridnya.

**Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, sejauh ini saya belum menerima kes itu. Tetapi memang benar juga kita mengawal disiplin di antara guru-guru yang kita latih dan juga guru-guru atau pendidik-pendidik di sekolah kita. Dan mereka ini juga tidak terlepas dari tindakan disiplin kalau ia tidak menunjukkan cara disiplin untuk kebaikan pelajar-pelajar kita dan dalam kalangan guru.

#### PALESTIN DAN AFGHANISTAN - MENYELESAIKAN

**6. Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah peranan Kerajaan Malaysia dalam menyelesaikan masalah Palestin dan Afghanistan selain dari bantuan kewangan untuk menyelesaikan masalah tersebut terutama dalam bidang negara-negara Islam.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan]:** Tuan Yang di-Pertua, masalah Palestin dan Afghanistan adalah masalah antarabangsa yang memerlukan sokongan dan tindakan antarabangsa bagi menyelesaikannya. Penyelesaian ke atas kedua-dua isu ini banyak memerlukan tindakan dan sokongan moral serta politik yang tegas. Dalam hal ini, Malaysia bersama-sama dengan negara-negara lain yang cintakan perdamaian dan kestabilan politik antarabangsa, sentiasa memainkan peranan yang cergas di forum-forum antarabangsa

dan serantau, terutama di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan di Pertubuhan Persidangan Islam.

Sebagai tanda sokongan politik, kita telah juga membenarkan kedua-dua kumpulan tersebut membuka Pejabat Perwakilan mereka masing-masing di Kuala Lumpur. Ini membolehkan mereka bergiat dalam mendapatkan sokongan ke atas perjuangan mereka.

**Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagaimana pendirian dan, kerjasama negara-negara ASEAN yang lain terhadap masalah yang dihadapi oleh Palestin dan Afghanistan ini.

**Dato Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, Alhamdulillah, negara-negara ASEAN semuanya berdiri teguh di atas perjuangan kedua-dua buah negara ini untuk mereka mencapai kemerdekaan dan menentukan hak masa depan mereka sendiri.

#### CUKAI PENDAPATAN - BAYARAN

**7. Tuan Azman Atar bin Othman** minta Menteri Kewangan menyatakan berapa ramai orang perseorangan yang belum membayar cukai pendapatan; adakah orang-orang ini dapat dikesan atau melarikan diri, sila nyatakan bilangan orang kenamaan yang belum membayar cukai pendapatan.

**Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Loke Yuen Yow]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya tidak dapat menentukan berapa ramai orang perseorangan termasuk orang kenamaan yang belum membayar cukai pendapatan kerana ketiadaan maklumat-maklumat yang terperinci berhubung

dengan mereka yang mempunyai pendapatan yang boleh dicukai. Walau bagaimanapun, tugas untuk mengesan orang perseorangan yang belum ataupun berpotensi membayar cukai pendapatan adalah dijalankan secara berterusan berdasarkan maklumat-maklumat yang diterima dari berbagai punca termasuk agensi-ageniti Kerajaan seperti Jabatan Pengangkutan Jalan dan Majlis Perbandaran.

#### BIJIH TIMAH - JUMLAH ENAPAN

8. **Tuan Lim Heng Tee** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:
- (a) jumlah nilainya timbunan bijih timah yang masih tinggal dalam negara kita;
  - (b) bilakah timbunan bijih timah itu dijangka haus; dan
  - (c) adakah Kerajaan mempunyai sebarang rancangan kontigensi menghadapi keadaan ini.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Dato' Alias bin Md. Ali]:**

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Jabatan Galian, jumlah enapan bijih timah negara yang telah dikenal pasti di kawasan pajakan galian dianggarkan sebanyak 500,000 tan. Berasaskan pengeluaran bijih timah negara di sekitar 30,000 tan setahun sekarang ini maka jumlah rizab tersebut dijangka dapat dikerjakan bagi tempoh selama 16 tahun sahaja.

Walaupun bagaimanapun, potensi enapan bijih timah di kawasan-kawasan yang belum dipajak dan juga di kawasan persisiran pantai (off-shore) belum lagi dikaji. Jabatan Penyiasatan Kajibumi akan mengkaji potensi kawasan-kawasan tersebut di masa hadapan. Sama ada kawasan-kawasan ini akan dimajukan atau sebaliknya bergantung kepada

potensi enapan bijih timah dan juga sama ada harga bijih timah berada di paras yang sesuai.

Bukanlah menjadi hasrat Kerajaan untuk terus mengekalkan kedudukan Malaysia sebagai pengeluar bijih timah utama dunia. Ini semua bergantung kepada aktiviti itu boleh dijalankan secara ekonomik atau tidak. Sebagai langkah menghadapi keadaan tersebut, Kerajaan telah pun mempunyai dasar untuk mempelbagaikan perusahaan melombong mineral selain daripada bijih timah di negara ini. Ke arah mencapai matlamat ini Kerajaan telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:-

- (i) mempergiatkan aktiviti pametaan dan penjelajahan bagi mengenal pasti enapan mineral;
- (ii) menggalakkan aktiviti serta pelaburan dalam perusahaan perlomboagan bukan timah;
- (iii) menggalakkan aktiviti hiliran yang berasaskan sumber mineral supaya negara tidak hanya bergantung kepada pengeluaran-bahan mentah sahaja; dan
- (iv) menggubal Dasar Mineral Negara bertujuan untuk menyediakan garis panduan di dalam usaha memajukan perusahaan mineral di negara kita.

**Tuan Azumu bin Tak:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan sedar bahawa, banyak kawasan-kawasan yang berpotensi tidak dapat digunakan oleh sebab kawasan itu adalah kawasan



berkurung olah pasukan keselamatan.

**Dato' Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian memang sedar perkara ini. Dalam hal ini kita memang meletakkan keselamatan negara lebih daripada segala-galanya. Tetapi apabila keadaan keselamatan telah pun pulih di kawasan-kawasan yang berkenaan maka kerja-kerja mencari gali bolehlah disambung semula.

#### DASAR BELIA NEGARA

**9. Tuan Haji Hami Araby bin Md. Salih** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan bilakah Kerajaan akan meminda Akta Pertubuhan khusus untuk Pertubuhan Belia dihadkan umur penyertaan ahli-ahli belia di dalam sesebuah pertubuhan belia dari 12 tahun hingga 40 tahun sahaja. Had umur ini tertakluk kepada semua lapisan ataupun jawatan yang disandang di dalam pertubuhan tersebut:

- (a) sedarkah Menteri yang berkenaan bahawa had umur akan lebih memberi makna kepada pertubuhan belia yang sebenarnya, yang tidak akan digunakan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab khusus di dalam memegang jawatan penting di dalam pertubuhan tersebut walaupun sudah melebihi umur 40 tahun, tetapi masih tidak mahu melepaskan jawatan **itu**; dan
- (b) jika sedar, mengapa Kementarian tersebut tidak bersungguh-sungguh mengatasinya untuk memastikan generasi pelapis yang akan menjadi penerus yang secukupnya tanpa sekatan dan diskriminasi dalam perebutan jawatan penting.

**Tuan Haji Awang bin Jabar:** Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 1985 Kerajaan telahpua meluluskan Dasar Belia Negara. Dalam dasar Ini telah ditakrifkan, belia ialah mereka tergolong umurnya antara 15 hingga 40 tahun, Ini bermakna keahlian belia di dalam sesebuah pertubuhan belia hendaklah mengikut kehendak Dasar Belia Negara yang telah dipersetujui oleh semua pertubuhan belia.

Berasaskan kepada **ini**, had umur akan diambil kira dalam perlembagaan sesebuah pertubuhan belia apabila ia hendak didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966. Dengan hal yang demikian, keperluan untuk meminda akta tersebut iaitu untuk, memasukkan peruncukan **tersebut** tidak timbul.

**Tuan Haji Hamid Araby bin Md. Salih:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sedarkan tidak Setiausaha Parlimen Kementerian berkenaan ramai lagi yang **ada**. Ada umur dia itu susah kita hendak percaya dia ini masih di bawah 40 tahun dan masih lagi memegang jawatan-jawatan yang penting sepertimana yang saya kata ini melemahkan semangat belia yang bersungguh-sungguh memegang jawatan yang penting dan berkhidmat. Mereka ini sudah tua, tetapi hendak pegang jawatan lagi, peluang pun tidak mahu lepas. Ini apa halnya, kalau kita biarkan begitu sahaja. Ini maksud saya yang penting dari soalan saya itu.

**Tuan Haji Awang bin Jabar:** Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa Pertubuhan Belia di dalam negara kita ini yang di dalam Perlembagaannya semasa penubuhan dahulu tidak ditetapkan had umurnya. Makanya, pertubuhan-pertubuhan seperti ini sudah berjalan sekarang ini dengan tidak ada limit dari segi umurnya. Namun begitu, Kementerian sedang memikirkan apakah pertubuhan-pertubuhan yang seperti ini untuk kita reverse, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, undur ke belakang semula untuk mengikuti Dasar Belia Negara.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, Yang Berhormat Puan Mazidah.

**Puan Mazidah binti Haji Zakaria:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya ingin sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen daripada Kementerian ini mengenai takrif umur belia 12 - 40 tahun **ini**. Adakah khas untuk yang lelaki sahajakah ataupun wanita pun belia antara 12 - 40 tahun.

**Tuan Haji Awang bin Jabar:** Tuan Yang di-Pertua, apabila disebut belia, termasuklah beliawanis.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, Yang Berhormat Tuan Azman Atar.

**Tuan Azman Atar bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Belia, adakah benar ada di antara Pertubuhan-pertubuhan Belia, had umurnya itu, jawatan Presiden sahaja boleh lebih daripada 40 tahun. Salah satunya minta maaf, sahabat Yang Berhormat sendiri masih memegang jawatan itu sebagai Presiden, tidak mahu melapas-lepaskan jawatannya. Oleh kerana, dia tidak mahu melepaskan jawatan, menimbulkan keadaan keluh-kesah di bawahnya hendak naik. Jadi, adakah benar?

**Datuk Haji Hussein bin Ahmad:** Saya mohon penjelasan. Siapa orangnya?

**Tuan Azman Atar bin Othman:** Bekas Yang Berhormat Tuan Haji Suhaimi, bekas pemimpin Belia 4B.

**Tuan Haji Awang bin Jabar:** Tuan Yang, di-Pertua, masalah ini jadi satu kes di mahkamah, jadi tidak payahlah saya terangkan pada hari ini dan keputusannya akan dibuat mungkin pada 12hb di mahkamah.

#### TENAGA PENGAJAR DARI RAKYAT ASING - KONTRAK

10. **Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah benar Kerajaan masih lagi menggunakan tenaga pengajar daripada rakyat asing dengan cara contract. Jika benar berapakah jumlah tenaga pengajar asing ini masih mengajar di sekolah-sekolah atau di Instituai Pengajian Tinggi di negara ini. Kenapakah Kerajaan masih menggunakan tenaga pengajar asing dan bilakah agaknya. Kerajaan bercadang menghapuskan penggunaan tenaga pengajar asing ini.

**Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan mengutamakan warganegara dalam proaes pengisian jawatan-jawatan di bawahnya. Namun begitu, disebabkan kekurangan tenaga pengajar yang mempunyai kepakaran dalam bidang-bidang tertentu, bukan warganegara telah diambil untuk berkhidmat secara kontrak bagi menampungkan keperluan tersebut. Langkah ini diatobil untuk memastikan program pengajaran dan pembelajaran tidak terjejas malah dapat terus meningkat mengikut rancangan yang telah direncanakan.

**Tuan Azumu bin Tak:** Soalan tambahan. Bagaimana pula gaji mereka? Adakah lebih tinggi daripada gaji guru-guru tempatan?

**Dr. Leo Michael Toyad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, gaji pegawai-pegawai kontrak adalah tertakluk kepada skim-skim yang tertentu untuk pegawai-pegawai kontrak.

#### GERAI BUNGA DALAM PUSAT KUSTA

11. **Tuan V.K. Selappan** minta Menteri Kesihatan menyatakan sana ada beliau mengetahui bahawa ramai orang daripada luar membuka gerai-gerai bunga di dalam kawasan Pusat Kusta yang mana telah membawa kerugian kepada penghuni-penghuni yang menjalankan penjualanbunga dalam kawasan pusat tersebut. Jika ya, apakah tindakan diambil oleh pihak Kementerian untuk mengatasi masalah tersebut.

#### **Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dr. Ting Chew**

**Peh]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, orang ramai dari luar tidak membuka gerai-gerai dalam kawasan Pusat Kawalan Kusta, Sungai Buloh. Gerai-gerai bunga dalam kawasan pusat ini semuanya dikendalikan oleh penghuni-penghuni pusat sahaja.

#### PRGRAM PETANI SISWAZAH

12. **Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim** minta Menteri Pertanian menyatakan apakah bentuk bantuan yang diberikan kepada siswazah-siswazah di bawah Program Petani Siswazah dan sejauhmanakah penglibatan siawazah-siswazah daripada jurusan lain yang menyertainya.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab bagi pihak Menteri Pertanian.

Pertanyaan ini telah dijawab pada 27hb Mac 1989 semasa menjawab pertanyaan dari Yang Berhormat Puan Hajjah Habidah binti Jusoh.

Oleh yang demikian, Kementerian Pertanian tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan kepada jawapan tersebut.

**KERJA ATAS LANDASAN PALOH-SINGAPURA**

13. **Tuan Dahalan bin Haji Embun** minta Mentari Pengangkutan menyatakan apakah kedudukan kontrak "rehabilitation and renewal" landasan yang diberi kepada Indian Railway Construction Company,

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, pihak pemborong IRCON telah mulakan kerja ke atas landasan di antara Paloh dan Singapura. Kerja membersihkan batu balas telah bermula pada awal bulan Mac, 1989 dan kerja menukar rel baru dijangka akan bermula pada pertengahan bulan April 1989.

**Tuan Dahalan bin Haji Embun:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu apakah syarat-syarat yang dikenakan dan apakah syarat Dasar Ekonomi Baru dimestikan dan dipatuhi?

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, perjanjian kontrak pembaharuan landasan dari Paloh-Singapura dan Slim River hingga ke Seremban sepanjang 327 kilometer telah ditandatangani di antara pihak Keretapi Tanah Melayu dan Indian Railway Construction (IRCON) pada 10 hb Oktober 1988 dan syarat-syaratnya terkandung dalam perjanjian yang telah ditandatangani yang tidak ada bersama-sama saya. Kalau ada pun, panjang sangat untuk saya huraikan.

**Tuan C Krishnan:** Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan di Dewan ini adakah syarikat-syarikat tempatan yang berkongsi dengan Indian Railway Construction Company mengikut hasrat Dasar Ekonomi Baru?

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:** Sepanjang pengetahuan saya yang berkongsi tidak, mungkin untuk mengambil tender-tender kerja.

**KUARTERS KERAJAAN - JUAL KEPADA PEGAWAI-PEGAWAI**

14. **Puan Hajjah Habidah binti Jusoh** minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menjual kuarters-kuarters Kerajaan kepada pegawai-pegawai. Jika ya, bila akan dilaksanakan.

**Datuk Kasitah bin Gaddam:** Tuan Yang di-Pertua, pada ketika ini Kerajaan belum bercadang untuk menjual kuarters-kuarters Kerajaan kepada pegawai-pegawai.

**Tuan Azman Atar bin Othman:** Saya ingin hendak membuat soalan tambahan. Kalau Kerajaan tidak bercadang lagi untuk menjual kuarters-kuarters kepada pegawai-pegawai Kerajaan, apa yang saya maksudkan, banyak kuarters-kuarters yang tidak ditunggu buat masa **ini**. Adakah Kerajaan mencadangkan supaya memberi atau membenarkan kuarters-kuarters yang tidak ditunggu itu kepada pertubuhan-pertubuhan yang banyak berjasa kepada negara supaya menggunakan kuarters itu sama ada sementara ataupun sampai **bila-bila**.

**Datuk Kasitah bin Gaddam:** Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya Yang Berhormat mengetahui mengenalpasti tempat-tempat yang tertentu, Kerajaan akan dapat membuat kajian supaya tindakan yang tertentu akan dapat diambil. Kita tidak ada hasrat untuk menjual kuarters-kuarters ini kerana kuarters-kuarters ini adalah kepunyaan Kerajaan dan tapak tanah pun kepunyaan Kerajaan juga dan semua tanah-tanah di tempat kuarters-kuarters ini telahpun mempunyai rancangan-rancangan yang tertentu oleh Kerajaan pada masa hadapan.

**Tuan Haji Hamid Araby bin Md. Salih:** Memandangkan kepada kuarters-kuarters ini banyak yang sudah uzur, tambahan pula duduknya di kawasan-kawaaan yang strategik, dekat dengan pejabat-pejabat Kerajaan, tidakkah Kerajaan memikirkan untuk mendirikan rumah-rumah seperti rumah pangsa yang boleh juga diberi kepada kakitangan Kerajaan selain daripada sekarang kita lihat banyak rumah-rumah pangsa di luar kawasan bandar.

**Datuk Kasitah bin Gaddam:** Tuan Yang di-Pertua, tanah-tanah yang strategik telahpun dikenalpasti oleh Kerajaan dan Kerajaan mempunyai rancangan-rancangan yang tertentu di masa hadapan untuk menggunakannya.

Untuk bahagian kedua, soalan yang satu **itu**, Kerajaan memang sentiasa akan memberi perhatian kepada semua pekerja-pekerjanya dan tindakan yang tertentu sedang dan akan terus diambil untuk memberi mereka perlindungan ataupun tempat-tempat di mana yang dapat diberi.



**RUNDINGAN MENTERI LUAR VIETNAM DENGAN MALAYSIA**

15. **Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah hasil rundingan yang telah tercapai dalam siri lawatan Menteri Luar Vietnam, Nguyen Co Thach ke negara Malaysia baru-baru ini.

**Dato Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, semasa lawatan Encik Ngueya Co Thach, Menteri Luar Vietnam ke Malaysia dari 25 - 28 Februari tahun ini, perbincangan-perbincangan yang telah diadakan adalah tertumpu kepada isu-isu serantau, khususnya masalah-masalah Kampuchea dan pelarian Vietnam. Berhubung dengan masalah Kampuchea, kita telah menekankan bahawa bagi mencapai penyelesaian adalah amat perlu Vietnam mengundurkan segera semua tenteranya dari negara itu. Dalam soal ini, beliau telah membaharui jaminan Vietnam untuk mengundurkan kesemua tenteranya dari Kampuchea dalam tahun 1990. Kita juga telah meminta Vietnam meminta Perdana Menteri Kampuchea, Hun Sen bersikap lebih terbuka dan bekerjasama terhadap pihak-pihak Kampuchea yang lain derai penyelesaian yang dimahukan.

Mengenai pelarian Vietnam pula, kita telah sekali lagi menekankan masalah-masalah yang dihadapi oleh Malaysia akibat menanggung bebanan pelarian-pelarian Vietnam dan keputusan Malaysia untuk menutup Pulau Bidong sebagai tempat perlindungan sementara bagi pelarian-pelarian tersebut. Kita juga telah meminta supaya Vietnam memainkan peranan aktif dan positif semasa Mesyuarat Persediaan bagi Persidangan Antarabangaa Mengenai Pelarian Indo-China di Kuala Lumpur baru-baru ini dan Persidangan Antarabangsa tersebut yang akan

diadakan di Geneva pada bulan Jun nanti. Dalam hal ini, Menteri Luar Vietnam itu telah memberi jaminan untuk berbuat demikian.

**Tuan Azman Atar bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri Luar apakah buah tangan ataupun hadiah daripada negara kita atas lawatan Menteri Luar Vietnam tempoh hari yang mana Timbalan Perdana Menteri kita bila dia melawat sana Kerajaan Vietnam hadiahkan seekor monyet sehingga menjadi isu dalam pilihanraya Ampang Jaya dahulu, adakah kita juga beri hadiah yang sama kepada Kerajaan Vietnam. Saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri.

**Dato Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada apa-apa hadiah untuk balasan pemberian Vietnam semasa lawatan Timbalan Perdana Menteri ke Vietnam pada tahun yang sudah.

#### **BANGUNAN JABATAN PENGANGKUTAN JALAN, IPOH - KEBAKARAN**

16. **Tuan Azumu bin Tak** minta Menteri Pengangkutan menyatakan bahawa oleh kerana kebakaran yang berlaku di Jabatan Pengangkutan Jalan di Ipoh, adakah Kerajaan bercadang hendak mendirikan bangunan baru di tapak yang sama atau memperbaiki bangunan yang terbakar itu.

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan belum membuat apa-apa keputusan mengenai Bangunan Induk Jabatan Pengangkutan Jalan, Ipoh yang terbakar itu kerana siasatan ke atas bangunan tersebut termasuk di segi struktur masih lagi dijalankan oleh Jabatan Kerjaraya dan lain-lain Jabatan yang berkaitan.

**Tuan G. Rajoo:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Jabatan Pengangkutan Jalan telah dapat mengesan punca kebakaran yang berlaku di JPJ, Ipoh?

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail : TuanYang di-Pertua,  
seperti saya kata tadi belum lagi kerana siasatan masih dijalankan  
oleh Jabatan-jabatan yang berkenaan.

#### KOPERASI PEMBANGUNAN DAERAH YANG DIDAFTARKAN

17. **Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah** minta Menteri  
Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan apakah kemajuan yang  
dicapai oleh Koperasi Pembangunan Daerah:

- (a) jumlah kontrak yang dijalankan;
- (b) jumlah koperasi yang benar cergas menjalankan  
aktivitinya; dan
- (c) jumlah koperasi yang tidak bergerak dan langkah  
mengatasinya.

**Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar [Dato Ng  
Cheng Kuai]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat,  
bilangan Koperasi Pembangunan Daerah atau KPD yang telah didaftarkan  
hingga akhir tahun 1988 adalah sebanyak 78 buah. Ini bermakna  
hampir semua daerah telahpun menubuhkan KPD. Bagi negeri Sabah dan  
Sarawak, KPD belum lagi ditubuhkan dan dijangka Kementerian akan  
membuat kajian untuk memajukan konsep ini di negeri-negeri  
berkenaan,

Tuan Yang di-Pertua, mengikut rekod yang ada, pada tahun 1986  
KPD telah berjaya menjalankan kerja-kerja kontrak bernilai \$7.5 juta  
dan dalam tahun 1988 pula nilai projek yang telah dilaksanakan  
meningkat lagi kepada \$16.4 juta.

Daripada jumlah 78 koperasi berdaftar, terdapat 55 buah KPD  
yang aktif terdiri daripada 22 KPD yang telah mempunyai lesen  
kontraktor kelas F, 12 kelas EX dan 11 kelas D. 55 buah KPD ini

telah dapat menghasilkan \$16.4 juta nilai kerja dalam tahun 1938 yang lalu.

Terdapat 23 buah KPD yang kurang aktif dan Kementerian sedang mengatur supaya lesen kontraktor sekurang-kurangnya kelas F diperolehi oleh mereka. Juga usaha-usaha sedang dan akan dijalankan oleh pihak Kementerian bagi meningkatkan aktiviti KPD dalam:-

- (a) menggalakkan KPD menceburi bidang industri kecil berasaskan kepada bahan-bahan mentah tempatan;
- (b) menggalakkan KPD menceburi dalam bidang pertanian dan ternakan.

Selanjutnya untuk memberi pendedahan, Kementerian akan juga mengadakan lebih banyak lagi seminar/kursus untuk pengurus-pengurus dan ahli-ahli jawatankuasa dalam ilmu pengurusan dan pengenalan serta penilaian projek.

#### KAMPUCHEA - PERANAN MALAYSIA DAN ASEAN

13. **Tuan Hassaa bin Nam** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sejauh manakah kemajuan telah dicapai dalam pertemuan tidak rasmi Kedua (JIM II) di Jakarta baru-baru ini, di antara puak-puak yang bersengketa di Kampuchea itu, dan juga peranan Malaysia sepatutnya untuk mengataai masalah tersebut dengan lain-lain jiran dalam ASEAN.

**Dato Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Malaysia beserta negara-negara ASEAN yang lain, telah berusaha mencari penyelesaian politik yang komprehensif mengenai masalah Kampuchea sejak bermulanya pencerobohan Vietnam terhadap Kampuchea pada bulan Disember 1978. Soal pokok di dalam masalah ini ialah pengunduran tentera Vietnam dari Kampuchea. Perkara ini dititikberatkan oleh ASEAN dan masyarakat antarabangsa iaitu dengan mendesak vietnam mengundur

tenteranya keluar dari Kampuchea di bawah pengawasan antarabangsa. Usaha penyelesaian politik ini merangkumi beberapa prinsip termasuk isu "National Reconciliation", dengan izin, agar semua pihak-pihak Khmer yang berbalah dapat bersetuju dan bekerjasama di bawah pimpinan Putera Norodom Sihanouk demi menegakkan satu kerajaan negara Kampuchea yang didokong oleh rakyat Kampuchea melalui pilihanraya yang dikelola bersama oleh masyarakat antarabangsa, lalu pengawasan antarabangsa untuk mengelakkan tercetusnya kembali dasar "genocide", dengan izin, juga dititikberatkan. Isu "International Guarantee", dengan izin, untuk menjamin kemerdekaan, kedaulatan dan kedudukan Kampuchea sebagai negara berkecuali adalah juga amat penting. Perkara ini melibatkan perlunya diadakan persidangan antarabangsa mengenai Kampuchea yang juga akan meneliti soal-soal berkaitan seperti soal bantuan antarabangsa mengenai pembangunan Kampuchea dan Vietnam pada keseluruhannya.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa usaha kita dan negara ASEAN yang lain dengan sokongan masyarakat antarabangsa adalah berlandaskan pada penyelesaian secara politik. Dalam konteks ini, saya ingin memaklumkan bahawa proses perundingan di antara pihak-pihak yang berkenaan telahpun dimulakan melalui Mesyuarat Tidak Rasmi Jakarta (JIM II) di Bogor, Indonesia pada 25-28 Julai, 1988 di mana soal-soal berkaitan dengan keseluruhan masalah tersebut dititikberatkan. Malaysia menyokong sepenuhnya proses JIM ini dan akan berusaha dengan negara-negara ASEAN yang lain untuk memperluaskan persefahaman di kalangan puak-puak berkenaan yang terlibat. Usaha-usaha melalui proses JIM ini telah mendapat sokongan bukan sahaja dari pihak berkenaan yang terlibat bahkan juga dari kuasa-

kuasa luar yang mempunyai peranan tertentu untuk mempengaruhi agar penyelesaian yang muktamat itu dapat diperolehi. Masyarakat antarabangsa pada keseluruhannya juga memberi sokongan yang kuat agar usaha yang dipelopori oleh ASEAN diberi galakan dan sokongan yang tertentu.

Mesyuarat JIM II Peringkat Menteri yang telah diadakan dari 19-21 Februari telahpun mengeluarkan satu "framework", dengan izin, untuk penyelesaian politik yang komprehensif. "Framework" ini mengandungi perkara-perkara yang mana telah dipersetujui secara prinsip oleh semua belah pihak dan termasuk perkara-perkara seperti pengunduran tentera Vietnam dari Kampuchea melalui penyelesaian politik secara keseluruhannya dan dengan jangka waktu yang ditetapkan, penamatan bantuan luar kepada puak-puak Khmer yang berbalah,

Mechanism", dengan izin, Persidangan Antarabangsa dan penubuhan kawasan Asia Tenggara sebagai kawaaan bebas dan berkecuali Namun demikian, ada beberapa perkara yang masih belum menemui persetujuan yang muktamat. Puak-puak Khmer yang berbalah ini masih tidak ber-setuju cara untuk menubuhkan kerajaan sementara di Kampuchea sebelum pilihanraya umum.

Kedua, kedua-dua belah pihak belum bersetuju mengenai pengawasan yang akan diadakan di Kampuchea. Namun demikian, pihak Khmer telah bersetuju untuk mengadakan seterusnya perbincangan dalam masa 4 bulan untuk mencari kata sepakat dan keputusannya akan dikemukakan melalui Pengerusi JIM II untuk perhatian selanjutnya.

Harapan Malaysia ialah supaya pihak-pihak Khmer itu dapat mencapai persetujuan supaya perkara seperti 'national reconciliation' boleh tercapai melalui penyelesaian politikal yang komprehensif. Malaysia berpendapat bahawa adalah wajar pengendalian 'peace keeping force' di bawah Bangsa-bangsa Bersatu diadakan, memandangkan pengalaman PBB dalam perkara ini. Malaysia akan terus berusaha dan memainkan peranan yang aktif supaya penyelesaian politik secara komprehensif melalui proses perundingan JIM ini tercapai demi kepentingan rakyat Kampuchea dan kawasan serantau ini.

#### WISMA PUTRA - PENILAIAN SEMUA STRUKTUR ORGANISASI

19. **Puan Rokiah binti Zainuddin** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada benar struktur organisasi Wisma Putra kita, wujud dari sejak kita mencapai kemerdekaan lagi belum pernah dikaji sehingga sekarang. Jika besar, tidakkah Kementerian Luar Negeri bercadang untuk memperbaiki struktur yang ada sekarang supaya dapat mempertingkatkan peranan Wisma Putra dengan lebih berkesan lagi sesuai dengan negara-negara lain yang maju di

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan bahawa perkara ini adalah tidak benar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, semenjak Wisma Putra ditubuhkan pada tahun 1957, selepas merdeka, Kementerian Luar Negeri telah melakukan beberapa kajian dan penilaian semula struktur organisasinya dalam menghadapi perkembangan-perkembangan semasa dan cabaran yang dihadapi dari masa kesemasa. Ini jelas dapat dilihat bahawa dalam 3 dekad setelah ditubuhkan, Wisma Putra

telah berubah dari satu organisasi yang strukturnya cukup mudah dan kecil, iaitu dengan diketuai oleh seorang Setiausaha Tetap dan dibantu oleh seorang Timbalan dengan beberapa orang pegawai sahaja, telah menjadi satu organisasi seperti yang ada sekarang, di mana Ketua Setiausaha (atau dahulunya Setiausaha /Tetap) dibantu oleh 3 orang Timbalan dan 3 orang Ketua Bahagian yang sama taraf dengannya untuk mengetuai 6 bahagian dan aktiviti utama di Kementerian ini iaitu Bahagian Politik, Ekonomi, ASEAN, Pentadbiran, Protokol dan Inspektorat.

Perubahan struktur dan perkembangan ini adalah wajar kerana sejak mencapai kemerdekaan, penglibatan negara kita dalam arena antarabangsa semakin meluas jika dibandingkan pada tahun-tahun 1950 an dan awal 1960an dahulu. Kalau dahulu kita hanya mempunyai kurang daripada 10 perwakilan asing di luar negeri, kini bilangannya sudah mencapai 62 dan kian bertambah. Tambahan pula, tumpuan diplomasi sekarang ini bukan lagi terbatas kepada politik dan diplomasi tradisional semata-mata, malah mengekalkan keseimbangan kuasa dalam blok-blok tertentu. Tetapi sebaliknya lebih menumpu kepada mendapatkan imbuhan, dengan izin, economic returns, di samping mencari pasaran baru dan mengekalkan pasaran yang sedia ada untuk barangan keluaran Malaysia. Justeru itu, struktur organisasi Kementerian juga harus diselaraskan untuk memenuhi tuntutan semasa.

Di samping itu, Kementerian juga merancang untuk masa depan. Salah satu daripada cabaran yang perlu dihadapi pada masa hadapan ialah permasalahan perundangan antarabangsa dan dengan itu Kementerian bercadang menubuhkan Bahagian Undang-undang Antarabangsa,



dengan membesarkan unit triti yang pada masa ini merupakan sebahagian daripada Bahagian Protokol. Pada masa yang sama, Kementerian juga tidak mengabaikan aspek latihan demi meningkatkan lagi kemampuan dan kepakaran pegawai-pegawai Wisma Putra dalam menghadapi pergolakan serantau dan sejagat. Dengan yang demikian, Wisma Putra dapat memainkan peranannya dalam mempertahankan kepentingan negara dalam bidang-bidang keselamatan, ekonomi dan politik dengan berkesan. Dalam pada itu, Kementerian juga sedar tentang kemajuan yang sedang pesat berlaku dalam bidang teknologi dan betapa pentingnya penerapan teknologi itu dalam pembangunan sosio-ekonomi negara.

Oleh Itu, Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa sejak kita mencapai kemerdekaan, Kementerian Luar Negeri tidak pernah membuat kajian struktur organisasinya, Malah, sebaliknya kajian seperti mana yang telah saya jelaskan di atas sentiaaa dibuat dari masa ke semasa untuk memenuhi cabaran dan meningkatkan peranan serta pencapaian Wisma Putra demi kepentingan dan imej negara kita di kalangan antarabangsa.

**Tuan Hassan bin Harun:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri berkenaan sama ada Kementerian yakin dengan organisasi dan kakitangan yang ada sekarang ini, boleh mengeksploitasikan sepenuhnya persidangan CHOGM yang akan diadakan pada penghujung tahun ini untuk kebaikan imej Malaysia.

**Dato Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Luar Negeri amat yakin dengan organisasi dan dengan jentera dan pegawai-pegawai yang sedia ada di Kementerian Luar

Negeri dan dibantu pula oleh lain-lain Jabatan dan Kementerian bagi menjayakan dan mengeksploitasi dengan sepenuhnya Persidangan CHOGM pada tahun ini.

#### BAYI YANG HILANG

20. **Puan Hajjah Rosnah binti Haji Kohd. Salleh** minta Menteri Kesihatan menyatakan berapakah bilangan bayi dan kanak-kanak yang hilang dari hospital pada tahun 1988. Apakah tindakan supaya kanak-kanak selamat berada di hospital.

**Dr. Ting Chew Peh:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat hanya seorang sahaja bayi yang telah hilang dari Hospital pada tahun 1988. Di antara langkah-langkah yang diambil untuk menjaga keselamatan bayi-bayi di wad bersalin dan special care nursery adalah seperti berikut:-

Setiap bidan terlatih yang bertugas di wad dan nursery yang berkenaan adalah bertanggungjawab:

- (a) memastikan supaya pintu-pintu yang perlu dikunci adalah dikunci;
- (b) membuat rondaan kerap kali melawat ibu dan kanak-kanak;
- (c) berada di wad setiap masa. Beliau tidak boleh pergi ke mana-mana tanpa memberitahu Jururawat Terlatih yang bertugas terlebih dahulu;
- (d) memastikan tiada pelawat yang masuk ke wad tanpa urusan dan kebenaran.

Langkah-langkah yang saya sebutkan tadi adalah tambahan kepada tindakan-tindakan yang biasa diambil untuk menjaga keselamatan pesakit-pesakit yang tinggal di hospital.

**Tuan Mustafa bin Awang:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta keterangan daripada Setiausaha Parlimen berkenaan, anak yang hilang ini ke mana sudahnya, berjumpa atau tidak dan anak bangsa apa: Melayu, Cina ataupun India.

Soalan yang ketiga, apakah tindakan hospital ataupun Kerajaan membayar pampasan kepada si ibu ini kalau anaknya terus hilang dan tidak jumpa lagi.

**Dr. Ting Chew Peh:** Tuan Yang di-Pertua, ini soalan yang spesifik sebenarnya dan saya tidak ada butir-butirnya, dan saya minta notis.

**Tuan Mustafa bin Awang:** Sekali lagi, saya rasa soalan ini senang sahaja. Jumpa atau tidak seorang anak yang hilang itu. Anak siapa Melayukah, Cinakah atau Indiakah atau lain-lain bangsa. Itu sahaja.

**Tuan C. Krishnan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada kehilangan anak, adakah berlaku pertukaran anak [Ketawa]. Ada kes yang berlaku di mana dilaporkan di dalam akhbar-akhbar iaitu anak itu warna kulitnya seperti sayalah [Ketawa] iaitu keturunan India. Adakah kes seperti itu berlaku, sekiranya benar, apakah tindakan Kementerian, Kesihatan.

**Dr. Ting Chew Peh:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut rekod Kementerian Kesihatan, tidak ada.

**BANTUAN KEPADA KELUARGA ANAK CACAT**

21. **Puan Law Jack Yoon** minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan sama ada bantuan seperti bayaran khas untuk perjalanan, perkhidmatan perubatan yang percuma dan bantuan kewangan yang diberi kepada ibu bapa anak-anak cacat untuk mengurangkan beban mereka.

**Menteri Kebajikan Masyarakat [Tuan Mustaffa bin Mohammad]:**

Tuan Yang di-Pertua, bantuan seperti bayaran perjalanan, perkhidmatan perubatan percuma dan bantuan kewangan ada diberi. Tetapi bantuan ini hanya diberi kepada keluarga yang miskin dan tidak berkemampuan sahaja.

**BAS KILANG - KEKURANGAN LESEN**

22. **Tuan P. Balaram** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan bahawa apakah Menteri itu sedar bahawa kekurangan permit-permit bas kilang menimbulkan beberapa masalah di beberapa kilang-kilang perusahaan di negara kita. Apakah Yang Berhormat bercadang untuk melonggarkan syarat-syarat untuk permohonan permit-permit bas kilang.

**Timbalan Menteri Perusahaan Awam [Tuan Haji Daud bin Dato'**

**Haji Taha]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya sememangnya sedar bahawa kekurangan lesen-lesen bas kilang boleh menimbulkan beberapa masalah kepada pekerja-pekerja kilang. Sebab itulah Kementerian saya membuka seluas-luasnya permohonan untuk mendapat lesen tersebut daripada seluruh negara. Setiap permohonan yang lengkap dan memenuhi kriteria akan dipertimbangkan dan lesen akan dikeluarkan kepada pemohon yang layak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya tidak bercadang untuk melonggarkan lagi syarat-syarat permohonan untuk lesen bas kilang kerana syarat-syarat yang sedia ada sekarang adalah minima dan sememangnya telah sedia longgar.

#### HOSPITAL DAERAH SEPANG

23. **Tuan V.K. Sellappan** minta Mentari Kesihatan menyatakan:

- (a) adakah kajian semula untuk membina sebuah hospital untuk daerah Sepang, Selangor Darul Ehsan akan dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kelima;
- (b) apakah perkembangan projek itu; dan
- (c) bilakah projek itu dilaksanakan dan tahun berapakah dijangka siap.

**Dr. Ting Chew Peh:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan tidak ada cadangan dalam Rancangan Malaysia Kelima untuk membina sebuah hospital di daerah Sepang. Dalam proses merancang kemudahan hospital-hospital bagi seluruh negara, keutamaan diberi kepada kawasan-kawasan pendalaman di mana penduduk sukar untuk menghubungi hospital-hospital yang terdekat sekali,

Berasaskan ini, Kementerian. Kesihatan tidak dapat memberi keutamaan buat masa sekarang untuk membina sebuah Hospital Daerah di Sepang kerana kawasan ini mempunyai hospital-hospital berhampiran yang boleh dihubungi dengan jalan raya yang baik. Kajian semula keperluan perkhidmatan bagi kawasan ini akan dibuat semasa penyediaan Rancangan Malaysia Keenam kelak.

**JALANRAYA KULIM-BUKIT MERTAJAM**

24. **Dr. Tan Chong Keng** minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada Kementeriannya ada rancangan untuk memperluaskan Jalan Kulim, Bandar Bukit Mertajam, termasuk jambatan atas lintasan keretapi, untuk memperbaiki aliran lalulintas bandar Bukit Mertajam. Juga diminta Menteri Kerjaraya menerangkan sama ada jalan "by-pass" dapat dibina supaya menyambung Jalan Kulim ke Jalan Berapit tanpa melalui pusat bandar Bukit Mertajam. Jika ada, bolehkah projek-projek tersebut dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima dan berapakah kos pembinaan yang dianggarkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah [Tuan Adam bin Abdul Kadir]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab bagi pihak Menteri Kerjaraya.

Tuan Yang di-Pertua, jalanraya dari Kulim ke Bukit Mertajam dan Jalan Berapit adalah jalan Negeri dan segala kerja-kerja pembaikan sistem jalan-jalan itu adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri yang berkenaan.

Walau bagaimanapun, suka dimaklumkan bahawa Kerajaan Persekutuan telahpun meluluskan sejumlah \$20 juta bagi Rancangan Malaysia Kelima ini untuk membina jalanraya 4 lorong 2 hala daripada Kulim ke Butterworth. Jalanraya ini akan membolehkan lalulintas daripada Kulim terus ke Butterworth tanpa melalui Bukit Mertajam lagi. Anggaran kos pembinaan keseluruhan dijangka \$180 juta dan akan dimulakan pada awal Rancangan Malaysia Keenam nanti.

25. **Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:-

- (a) apakah rumusan Jawatankuasa Kabinet rancangan dan strategi bagi penubuhan Pulau Bidong sebagai pusat penempatan sementara pelarian Vietnam; dan
- (b) apakah reaksi Kerajaan Vietnam dan PBB dengan tindakan Kerajaan Malaysia itu.

**Timbalan Menteri Luar Hegeri [Dato Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan]** : Tuan Yang di-Pertua, soalan yang hampir - hampir sama dengan soalan ini telahpun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Luar Negeri semasa menjawab soalan Yang Berhormat Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahaya pada 28hb Mac, 1989. Saya tidak ada apa-apa tambahan terhadap jawapan yang telahpun diberikan itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim.

**Dato' Haji Abdul Hamid bin Haji Latif:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan yang ke-26,

#### TENDER PROJEK KEPADA BUMIPUTERA

26. **Dato' Haji Abdul Hamid bin Haji Latif [di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bagaimanakah usaha Kerajaan menerusi Lembaga Letrik Negara (LLN) memberikan tender-tender projek yang besar kepada bumiputera dalam usaha manbantu pencapaian Dasar Ekonomi Baru.

**Tuan Ong Tin Kim:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan dan Lembaga Letrik Negara (LLN) telah, sedang dan akan terus melaksanakan usaha-usaha

seperti berikut untuk membantu pencapaian bumiputera di bawah Dasar Ekonomi Baru:

- (i) mengkhaskan sekurang-kurangnya 30% daripada kontrak kerja tahunan Lembaga Letrik Negara kepada kontraktor bumiputera;
- (ii) mengadakan rundingan terus dengan konsortium-konsortium bumiputera bagi melaksanakan projek-projek Lembaga yang besar; dan
- (iii) menggalakkan kontraktor-koncrakor bumiputera menjalankan usahasama dengan kontraktor-kontraktor luar negeri bagi projek-projek Lembaga yang memerlukan teknologi tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini usaha-usaha tersebut nampaknya telah memberi kesan yang sangat menggalakkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut sudahpun cukup.

**[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi pertanyaan No. 27 hiagga 51 adalah]**



**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG KANUN TANAH NEGARA  
(HAKMILIK PULAU PINANG DAN MELAKA) (PINDAAN)****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas Masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." [3hb April, 1989]

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya jemput Yang Berhormat Tuan Haji Hamid Araby bin Haji Md. Salih untuk menyambung ucapan beliau semalam. Dipersilakan, Yang Berhormat.

**3.35 ptg.**

**Tuan Haji Hamid Araby bin Haji Md. Salih:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Menyambung ucapan saya semalam atas sokongan saya kepada suatu Akta untuk meminda Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) 1963, saya ingin sentuh sedikit lagi tentang FELDA yang saya kata tidak mempunyai satu kawasan yang digezetkan yang mana boleh dikenalpasti. Ini adalah seperti kita kata: "Ada gusi tidak ada gigi", tidak boleh hendak buat apa, barang keras tak boleh kita hendak gigit.

Tanah Melayu dikenalpasti, Tuan Yang di-Pertua, untuk merancang sesuatu projek atas tanah itu atau mendirikan rancangan rumah murah atau sesuatu pembangunan. Ini adalah dibantu oleh UDA, MARA, lebih-lebih lagi FELDA iaitu khususnya di kawasan luar bandar, FELDA lah memainkan peranannya; di kawasan bandar UDA memainkan peranannya dan juga MARA.

Jadi, selain daripada rancangan Kerajaan mendirikan rumah

murah, FELDA juga telah berusaha mendirikan dua projek yang memakan masa lama juga. Di atas usahanya itu kita ucapkan syabas. Mahupun begitu, saya telah mengikuti perkembangan FELDA ini kerana banyak sangatlah, dengan izin, 'red tape' dilakukan oleh pihak-pihak yang tertentu seperti MPPP (Majlis Perbandaran Pulau Pinang) kerana Majlis Perbandaran Pulau Pinang mendakwa dialah Planning Authority, dengan izin, pihak yang berkuasa yang boleh meluluskan perancangan dan juga pelan. Maka memakan masa yang lama. FELDA juga seperti pelabur, apakala terlalu lama memakan masa yang begitu lama, projeknya itu ataupun rumah yang dijualnya itu mungkin meningkat harganya. Ini boleh menyusahkan khususnya orang-orang miskin yang mengharapkan mendapat rumah murah.

Maka, saya sekali lagi mengambil kesempatan ini oleh kerana inilah satu masanya saya nampak yang cantik, yang molek bagi saya bawa berkaitan dengan Kanun Tanah Negara ini sebagaimana Hakmilik Pulau Pinang disebut. Kementerian yang ada kaitan perlulah dengan segera mengenalpasti kawasan yang perlu diserahkan kepada FERDA dan perlulah digezetkan supaya ini benar-benar memberi pembangunan di luar bandar atau benar-benar memberi suatu kuasa yang betul-betul yang boleh menambahkan semangat pegawai-pegawai di dalam FERDA.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh hal tanah ini, mahupun dia tidak ada direct relevance tetapi ada baiknya juga saya sentuh di sini, Tuan Yang di-Pertua. Biasanya Pengarah Tanah dan Galian Negeri bertanggungjawab sebagai ketua pentadbiran tanah dalam negeri. Semua permohonan berkaitan tanah dari Pejabat Tanah Daerah akan ditapis dan diproses oleh sebuah Jawatankuasa yang dipengerusi oleh PTG. Di peringkat Daerah pula, pentadbir tanah daerah biasanya Pegawai Daerah, bertanggungjawab menguruskan pentadbiran tanah termasuk memproses permohonan dan pendaftaran hakmilik tanah, kutipan cukai, penguatkuasaan undang-undang tanah serta menguruskan pengambilan balik tanah untuk maksud awam.

Apakala tanah itu masih tanah pusaka pembahagian pusaka perlulah diselesaikan terlebih dahulu sebelum tanah berkenaan dimajukan untuk mengelakkan sebarang masalah yang mungkin timbul. Tuan Yang di-Pertua, inilah yang saya sentuh kelmarin, masalah yang timbulnya nama dalam hakmilik itu, nama waris tidak begitu terang, saya syukurlah dengan adanya pindaan ini jika satu nama dalam semua keluarga yang sama ada yang 'bin', ada yang 'son of', ada 'daughter' dan sebagainya, jadi ini dijadikan satu iaitu datangnya dari satu keluarga yang dikenalpasti maka diiktiraf sebagai Melayu. Di Kelantan tanah hanya boleh diberi milik kepada anak Negeri Kelantan sahaja manakala di Terengganu, tanah pegangan Melayu dengan izin, Malay Holding Land, diberi milik kepada orang Melayu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, pemberi milikan tanah secara dirancang, dibuat menurut Land Group Settlement Act 1960, dengan izin, dan di-amalkan oleh FELDA, FELCRA, RISDA dan semua LKW atau yang dimajukan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri. Inilah sebabnya ramai orang-orang Melayu Pulau Pinang dan bukan Melayu pun telah berhijrah ke tanah besar bekerja di FELDA, FELCRA dan sebagainya kerana peluang yang diberi ini tidak ada, tidak wujud di Pulau Pinang. Mengikut cara ini pihak berkuasa negeri akan memilih sesuatu kawasan dan meluluskannya untuk diberi milik. Kami telah cuba banyak kali meminta jasa baik beberapa Menteri tetapi sayangnya tanah yang sedemikian untuk rancangan FELDA, FELCRA ini tidak ada lagi di Pulau Pinang ataupun di Seberang Perai.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana di huraian di mukasurat 2 menyebut bahawa pada masa ini bagi maksud-maksud seksyen 94 Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) 1963, istilah Melayu hendaklah diperluaskan iaitu diperluaskan supaya meliputi orang-orang Melayu yang lain juga. Dengan adanya pindaan Akta Kanun Tanah Negara ini maksud tanah yang tertakluk kepada kategori bangunan dan industri, sebarang keraguan yang timbul dapat dihapuskan, insya Allah. Maka saya berharap kes-kes yang mana tidak dapat diselesaikan kerana terdapat beberapa faktor kemusykilan di mana nama nama waris yang memiliki tanah-tanah peninggalan ibu-bapanya atau datuk nenek moyangnya kerana nama-nama Melayu tidak jelas ditulis iaitu dalam buku pendaftaran di mana kita kenal di sana dengan izin, interim register, di pejabat PTG. Sepertimana banyak berlaku di Pulau Pinang sekarang ini harap bolehlah diatasi dengan segera, Maka saya ingin menyokong suatu Akta untuk meminda Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) 1963. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat hendak berucap. Jika tidak ada sekarang saya jemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian untuk memberi jawapan, dipersilakan.

**3.44 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah [Tuan Adam bin Abdul Kadir]** Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu mengucapkan berbanyak-banyak cerita kasih dan penghargaan terhadap Yang Berhormat-Yang Berhormat Senator Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim dan Senator Tuan Haji Hamid Araby bin Haji

Md. Salih yang telah memberikan tanggapan, ulasan dan juga pandangan yang bernas. Dan saya di sini mendengar dengan penuh minat.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya pindaan ini dibuat berasaskan kepada hakikat iaitu kita ingin melihat tanah-tanah terutamanya yang di Melaka itu yang dikaitkan dengan pemilikan orang Melayu Melaka, MCL walaupun selama ini telah dipindahkan sekali ataupun dua, dahulunya tanah-tanah yang dipanggil MCL itu yang dimaksudkan sebagai tanah bangunan dan industri itu boleh dijual ataupun diurusniaga kepada orang-orang Melayu yang bukan keturunan Melayu Melaka. Jadi, dengan pindaan ini kita harap tanah yang berbentuk pertanian juga boleh diurusniagakan, dijual beli dan sebagainya bagi orang-orang Melayu, bukan sahaja orang Melayu yang tinggal ataupun berasal daripada Melaka. Jadi, asasnya ialah asas perniagaan dan pelaburan dan dengan tujuan akhirnya untuk membangun kawasan-kawasan itu se- laras dengan kawasan-kawasan lain dan secara langsung boleh memberi sumbangan terhadap pembangunan, pelaburan dan iklim ekonomi di Negeri Melaka.

Tuan Yang di-Pertua, soal tanah yang diperkatakan dalam Dewan ini ada kaitan sejarahnya kerana apa yang dikatakan oleh saudara-saudara Senator tadi banyak memberikan concern, dengan izin, terhadap nasib orang Melayu berkaitan dengan pemilikan tanah di Pulau Pinang dan Melaka walaupun Akta pindaan ini sebenarnya tertuju secara spesifik kepada ehwal di Melaka sahaja. Ini memberikan amaran kepada kita bahawa Melaka dan Pulau Pinang itu dari segi sejarahnya berlainan dengan negeri-negeri lain kerana Melaka dan Pulau Pinang itu adalah sebahagian daripada, dengan izin, Straits

Settlement di bawah pemerintahan Inggeris pada suatu masa dahulu dan sebelumnya pernah diperintah oleh Belanda dan lebih awal lagi oleh Portugis berkenaan dengan Melaka. Kalau kita bandingkan Negeri Melaka dan Pulau Pinang maka yang lain-lainnya dikenali sebagai Federated Malay States ataupun Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan juga Negeri-negeri yang Tidak Bersekutu ataupun Unfederated Malay States. Jadi, itulah sebabnya terdapat perbezaan yang begitu nyata sepertimana yang disebutkan oleh Senator Tuan Haji Hamid Araby tadi apabila beliau membandingkan apa yang berlaku di Kelantan dengan di Pulau Pinang umpamanya,

Bagimanapun saya rasa saya hendak ringkaskan perkara ini, kita memberi perhatian terhadap pandangan berkenaan nama pewaris-pewaris yang tidak begitu terang di dalam geran itu kerana ia menimbulkan soal-soal pentadbiran dari segi pembahagian pusaka ataupun penamaan pusaka. Bagaimanapun saya ingin memberi rujukan yang agak spesifik dan particular kepada Senator Tuan Haji Hamid Araby yang telah membangkitkan bahawa di Pulau Pinang tidak terdapat tanah reserve Melayu dan beliau juga berkata bahawa Kerajaan telah mewujudkan FELDA untuk membangunkan kawasan-kawasan bumiputera tetapi malangnya FELDA sendiri tidak mempunyai kawasan untuk tujuan ini.

Saya percaya sentimen beliau ini dilahirkan dengan ikhlas, memang ada sedikit masalah ini pada suatu masa dahulu tetapi insya Allah dengan adanya kerjasama di antara Kerajaan pusat dengan Kerajaan Negeri maka untuk makluman bersama dan untuk makluman

saudara Senator, sebenarnya FELDA sekarang ini telahpun mempunyai kawasan operasinya sepertimana yang telah diwartakan dalam Warta Kerajaan PU(B) 636 bertarikh 21hb Oktober, 1988. Ini bermakna perkara ini sudah dapat kita selesaikan kira-kira setengah tahun dahulu. Kawasannya untuk makluman bersama meliputi seluruh Pulau Pinang dan Seberang Perai kecuali metropolitan, kawasan tadahan air, hutan simpanan, tanah perkuburan, pantai dan pulau-pulau dan juga bandar-bandar yang digazetkan seperti Kepala Batas, Sungai Bakap dan Nibong Tabal.

Jumlah kawasan yang telah digezetkan untuk FERDA melibatkan 60% daripada keluasan tanah di negeri Pulau Pinang atau 618 kilometer persegi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat saudara Senator, pembangunan kawasan FELDA sedang berjalan dengan lancarnya. Saya harap ini satu berita yang baik.

Saya dengan sukacita merujuk kepada Yang Berhormat Senator Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim. Beliau membangkitkan bahawa di negeri Pulau Pinang ada wujudnya di antara lain jenis hakmilik-geran First grade, dengan izin, yang memberikan hak bebas pada tuan tanah untuk mengguaakan tanahnya termasuknya hak melombong dan juga pada tanah-tanah pertanian pula, tuan tanah yang ingin mendirikan rumah perlu memohon, tukar syarat, Persoalannya daripada Senator Hajjah Salbiah ialah mengapakah tidak diselaraskan jenis-jenis hakmilik itu. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, sesungguhnya Akta Ranun Tanah Negara [Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka] 1963 bertujuan untuk menyelaraskan semua jenis pemilikan tanah yang terdapat di negeri Pulau Pinang dan Melaka dengan hakmilik-hakmilik di bawah Kanun Tanah Negara. Sebelum Akta Kanun Tanah Negara [Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka] 1963 dikuatkuasakan, terdapat berbagai-bagai jenis pemilikan tanah yang telah dikurniakan pada masa pemerintahan penjajah Belanda dan Inggeris. Dalam usaha untuk menyelaraskan jenis pemilikan tersebut Akta Kanun Tanah Negara [Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka] 1963 telah memperuntukkan, jenis-jenis hakmilik yang perlu dikeluarkan termasuk geran first grade, geran pajakan negeri, geran mukim first grade, geran mukim dan pajakan mukim.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator seterusnya, geran first grade dikeluarkan hanya pada tanah-tanah yang dahulunya dikurniakan oleh pemerintah penjajah Belanda dan Inggeris dan ianya



menepati ciri-ciri yang tertentu sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 40 Akta tersebut. Memang benar bahawa tanah-tanah di bawah geran first grade itu ada keistimewaan-keistimewaan tertentu dibandingkan dengan tanah-tanah di bawah hakmilik biasa. Keistimewaan-keistimewaan itu tidak dapat dihapuskan kerana ianya telah sedia dinikmati sebelum berkuatkuasanya Akta Kanun Tanah Negara [Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka] 1963. Jadi, dengan response saya itu, saya harap saya dapat menjelaskan sedikit sebanyak apa yang telah dikemukakan oleh dua orang saudara Senator di dalam perbahasan hari ini dan juga semalam. Jadi, sekian sahaja, Tuan Yang di-Pertua, teriraa kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalahdikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

**Fasal 1 dan 2** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Pendahuluan** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG KANUN PROSEDOR JENAYAH (PINDAAN)****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****3.55ptg.**

**Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman]:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Kanun Prosedur Jenayah dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, apabila Kanun Prosedur Jenayah ini diperluaskan pemakaiannya di Sabah dan Sarawak terdapat masalah dalam pemakaian peruntukan-peruntukan tertentu dalam Kanun itu di kedua-dua negeri tersebut yang memerlukan penyelesaian segera. Selain daripada itu pindaan-pindaan juga perlu dibuat kepada Kanun Prosedur Jenayah bagi melenyapkan sebarang keraguan tentang keesahan peruntukan-peruntukan tertentu dalam Kanun tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, berikut adalah pindaan-pindaan yang dicadangkan dan asasnya.

**Seksyen baru 352A**

Seksyen baru 352A yang dicadangkan dimasukkan ke dalam Kanun melalui Fasal 2 Rang Undang-undang bertujuan memperuntukkan mengenai ubahsuaian-ubahsuaian tertentu dalam pemakaian Bab XXXIII Kanun di Sabah dan Sarawak. Ubahsuaian-ubahsuaian yang dimaksudkan ini adalah berkenaan dengan takrif "Hospital Sakit Otak" dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya yang diperuntukkan di bawah Bab XXXIII Kanun. Dalam hal ini, perlu dijelaskan bahawa terdapat undang-undang yang berlainan yang mengawal hospital sakit otak di Malaysia Barat dan negeri-negeri Sabah dan Sarawak.

Tujuan ubahsuaian-ubahsuaian ini ialah bagi menyelaraskan takrif "Hospital Sakit Otak" dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya di bawah Bab XXXIII Kanun dengan undang-undang berkaitan yang terpakai di negeri-negeri masing-masing.

#### **Pindaan kepada Seksyen 418A**

Seksyen 418A yang ada sekarang memperuntukkan kuasa Pendakwa Raya untuk merainta Mahkamah Rendah untuk memindahkan kes yang menunggu penyelesaian di hadapannya ke Mahkamah Tinggi di tempat-tempat yang ditetapkan oleh Pendakwa Raya dan Mahkamah Rendah itu berkewajipan menghantar kes itu ke Mahkamah Tinggi tanpa apa-apa penyiasatan awal atau 'preliminary enquiry', dengan izin.

Peruntukan-peruntukan ini telah beberapa kali dicabar atas alasan bahawa seksyen itu melanggar Perkara 3 dan Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan. Daripada keputusan-keputusan Mahkamah dalam beberapa kes mengenai Seksyen 418A adalah ternyata Hakim-hakim tidak bersependapat mengenainya. Dalam tahun 1976 apabila seksyen itu dicabar, terdapat satu keputusan Mahkamah Tinggi yang memutuskan seksyen itu tidak sah kerana bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan tetapi Mahkamah Persekutuan pada masa itu setelah mendengar rayuan terhadap keputusan itu telah memutuskan bahawa seksyen itu adalah sah. Dalam tahun 1987 seksyen itu telah dicabar sekali lagi dan kali itu Mahkamah Tinggi dalam keputusan majoriti 3-2 telah memutuskan seksyen itu tidak sah atas alasan yang lain pula.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Dewan yang mulia ini bahawa berikutan dengan ketidakpastian mengenai keesahan Seksyen 418A yang disebutkan terdahulu, suatu pindaan telah dibuat kepada Perlembagaan Persekutuan iaitu

melalui Akta Perlembagaan (Pindaan) 1988 bagi memasukkan satu Pasal (3A) baru dalam Perkara 145 Perlembagaan yang memperuntukkan dengan nyata bahawa Undang-undang Persekutuan boleh memberikan kepada Peguam Negara kuasa untuk menentukan Mahkamah di mana apa-apa prosiding yang dia berkuasa memulakan hendak dimulakan atau ke Mahkamah mana prosiding itu hendak dipindahkan. Akta yang sama juga telah meminda Pekara 121 Perlembagaan di mana perkara tersebut tidak lagi menekankan kepada perletakan kuasa Kehakiman.

Pindaan-pindaan kepada Perlembagaan bagi membolehkan pemberian kuasa sedemikian kepada Peguam Negara telah dibahaskan dengan panjang lebar dalam Dewan semasa pembentangan pindaan tersebut. Penggantian Seksyen 148A ini adalah bertujuan menyelesaikan kedudukan undang-undang dan melenyapkan sebarang keraguan tentang keesahan kuasa Pendakwa Raya untuk memindahkan kes yang menunggu perbicaraan di hadapan Mahkamah Rendah ke Mahkamah Tinggi memandangkan terdapat ketidakpastian tentang sahnya peruntukan mengenai kuasa tersebut seperti yang telah disebutkan tadi.

Pindaan ini juga bertujuan menyelaraskan kuasa Pendakwaraya di bawah seksyen tersebut dengan kuasa yang boleh diberikan kepadanya menurut Fasal 3A Perkara 145 yang disebut terdahulu.

Tuan Yang di-Pertua, kuasa demikian adalah perlu bagi Pendakwaraya untuk membolehkannya menjalankan tugas-tugasnya dengan tegas. Terdapat kemungkinan yang sesuatu kes itu tidak sesuai dibicarakan di Mahkamah Rendah di suatu tempattertentu atas sebab-sebab tertentu seperti dari segi keselamatan, kerumitan kes dan lain-lain. Untuk kepentingan keadilan dan untuk menjamin agar kedua-dua pihak mendapat peluang yang sama untuk mengemukakan kes mereka dengan sewajarnya, muhgkin perlu memindahkan kes yang berkenaan dari Mahkamah Rendah ke Mahkamah Tinggi tanpa mengadakan penyiasatan awal atau preliminary inquiry, dengan izin,

#### **Seksyen baru 418B**

Seksyen baru 418B pula memperuntukkan pemakaian seksyen 418A ke atas kes-kes yang telah dimulakan sebelum atau selepas mula berkuatkuasanya seksyen tersebut asalkan orang yang kena tuduh itu tidak mengaku salah dan keterangan mengenai kesnya belum dikemukakan. Peruntukan bagi memberi kuatkuasa kebelakangan kepada seksyen 418A tersebut adalah perlu bagi melenyapkan sebarang keraguan keatas kesahan dalam pemakaian seksyen tersebut, walaupun Perlembagaan Persekutuan telah dipinda dengan meminda Perkara 121 dan memasukkan Fasal 3A Perkara 145 yang disebut terdahulu.

#### **Pindaan kepada Jadual Pertama**

Jadual pertama Kanun Prosedur Jenayah ini mengandungi pernyataan mengenai kesalahan-kesalahan di bawah Kanun Keseksaan. Pindaan kepada Jadual pertama ini adalah berbangkit daripada pindaan kepada Kanun Keseksaan yang juga dicadang hendak dibentangkan dalam Majlis Mesyuarat ini.

### **Jadual Ketiga Baru**

Jadual Ketiga Baru yang dimasukkan ke dalam Kanun melalui Fasal 5 Rang Undang-undang adalah bertujuan menghuraikan ubahsuaian-ubahsuaian bagi pemakaian Bab 33 Kanun di Sabah dan Sarawak sebagaimana yang telah disebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Adam bin Abdul Kadir:** Tuan -Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Suatu Akta untuk meminda Kanun Prosedur Jenayah. (N.M.B. Bab 6) dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ada di antara Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak berucap?

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuaaa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuaaa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

**Fasal 1 hingga 5** diperintahkan, jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan, dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG PEGUAMBELA (SABAH)(PINDAAN)****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****4.05** ptg.

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Rang Undang-undang yang dinamakan Akta Peguambela (Sabah)(Pindaan) 1989 dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk membuat pindaan-pindaan kepada seksyen 4, 5, 10, 12, 13 dan 14 Ordinan Peguambela Sabah Bab 2. Seksyen 4 Ordinan Peguambela Sabah memperkatakan. tentang kelayakan-kelayakan yang perlu dipenuhi oleh seseorang sebelum orang itu boleh diterima sebagai seorang peguambela. Subseksyen(1), seksyen 4 menyenaraikan kelayakan-kelayakan profesional yang diperiuukan sebelum seseorang itu boleh diterima sebagai seorang peguambela. Perenggan (cc) subseksyen (1) memperuntukkan bahawa seorang yang mempunyai Sarjana Muda Undang-undang dari Universiti Malaya, Universiti Islam Antarabangaa Malaysia atau Universiti Kebanggaan Singapura atau mempunyai Diploma Lanjutan Undang-undang dari Institut Teknologi MARA atau mempunyai Sijil Amalan Undang-undang yang diberi oleh Lembaga Kelayakan yang ditubuhkan di bawah Akta Profesion Undang-undang 1976 dikehendaki mempunyai perkaitan Sabah atau 'Sabah connections', dengan izin, dan juga telah menjadi Majistret Kelas Pertama bagi tempoh tidak kurang daripada 12 -bulan atau telah menjalani latihan peguam bagi tempoh 12 bulan atau 6 bulan jika dia mempunyai sijil berkenaan dari Universiti Malaya atau

Universiti Kebangsaan Singapura sebelum orang tersebut boleh memohon untuk diterima sebagai seorang peguambela. Ungkapan "perkaitan Sabah" ada ditakrifkan di dalam seksyen 2, antara lainnya seseorang itu mempunyai perkaitan Sabah sekiranya dia dilahirkan di Sabah atau biasanya bermastautin di Sabah bagi tempoh lima tahun terus-menerus.

Subseksyen (2) aeksyen 4 memperuntukkan kelayakan-kelayakan lain yang diperlukan sebelum seseorang itu boleh diterima sebagai seorang peguambela. Perenggan (c) subseksyen (2) memperuntukkan bahawa seseorang itu dikehendaki bermastautin'di Sabah bagi tempoh 6 bulan sebelum sahaja permohonannya dibuat ataupun bermastautin dan- menjalkan amalan sebagai seorang peguambela di Sarawak bagi tempoh tertentu sebelum orang itu boleh diterima sebagai seorang peguambela. Oleh kerana hanya seseorang yang mempunyai kelayakan undang-undang dari Malayaia ataupun Singapura sahaja dikehendaki mempunyai 'perkaitan Sabah dan telah menjadi Majistret Ketas Pertama atau telah menjalani latihan peguam bagi tempoh tertentu sebelum orang itu boleh memohon untuk- diterima sebagai seorang peguambela, adalah dicadangkan supaya kehendak-kehendak ini dikenakan kepada semua orang yang mempunyai kelayakan undang-undang tidak kira dari mana. Cadangan ini akan menghapuskan perbezaan yang tidak wajar yang wujud sekarang. Tidak ada sebab yang munasabah -untuk memperuntukkan bahawa hanya seseorang yang mempunyai kelayakan- tempatan termasuk dari Singapura sahaja diperlukan memenuhi kehendak tambahan-sebagai- mana yang terkandung dalam perenggan (cc) seksyen 4(1).



Tuan Yang- di-Pertua, pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 4(1) Ordinan Peguambela Sabah akan menyebabkan seseorang yang mempunyai mana-mana kelayakan profesional yang disenaraikan di dalam subseksyen (1) dikehendaki telah menjadi Majiatret Kelas Pertama atau menjalani latihan peguam bagi tempoh tertentu sebelum orang itu boleh diterima sebagai peguambela. Pindaan kepada seksyen 4(2) akan menyebabkan kehendak mengenai perkaitan Sabah juga dikenakan kepada semua orang yang memohon untuk diterima sebagai seorang peguambela. Kehendak alternatif kamastautinan yang wujud sekarang dimansuhkan. Adalah juga dicadangkan supaya satu subseksyen baru (1B) dimasukkan ke dalam seksyen 4 Ordinan Peguambela Sabah untuk memberi kuasa kepada Hakim Besar Borneo bagi mengecualikan seseorang dalam keadaan tertentu sebagaimana yang dinyatakan di dalam subseksyen berkenaan daripada menjalani latihan peguam bagi keseluruhan atau apa-apa bahagian tempoh berkenaan. Pindaan kepada seksyen 4 akan mula berkuatkuasa pada suatu tarikh yang akan ditetapkan oleh Hakim Besar Borneo melalui pemberitahuan dalam Warta.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 5(2) Ordinan Peguambela Sabah memperuntukkan bahawa seseorang yang memohon untuk diterima sebagai Peguambela dikehendaki menghantarserah satu salinan permohonannya dan segala dokumen menyokong permohonan itu kepada Peguam Besar Negeri Sabah. Peguam Besar Negeri Sabah seterusnya berhak didengaratas permohonan itu. Pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 5(2) akan memperuntukan bahawa satu salinan permohonan untuk diterima sebagai peguambela dan segala dokumen menyokong permohonan itu akan juga dihantarserah kepada Persatuan Undang-undang Sabah. Persatuan ini juga berhak untuk didengar atas permohonan itu. Pindaan iai bertujuan untuk menjadikannya suatu peruntukan undang- undang apa yang sedang diamalkan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sekayen 10 (c) Ordinan Peguambela Sabah memperuntukkan bahawa Hakim Besar Borneo boleh mengikut budibicara mutlaknya memberi kebenaran kepada seseorang yang mempunyai mana-mana kelayakan yang terkandung di dalam seksyen 4(1) untuk mengendalikan sesuatu kes atau perkara dengan syarat orang berkenaan telah diarahkan oleh seseorang peguambela tempatan atau memandangkan keadaan hal yang relevant adalah pendapat Hakim Besar bahawa kebenaran patut diberi demi untuk keadilan.

Pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 10 (c) adalah untuk memperuntukkan bahawa kedua-dua syarat dan bukannya salah satu daripadanya patut dipenuhi sebelum Hakim Besar boleh mamberi kebenaran kepada orang itu untuk mengendalikan sesuatu kes atau perkara di Sabah. Pindaan ini adalah untuk membetulkan apa yang difikirkan adalah suatu kesilapan tipografi.

Pindaan-pindaan kepada seksyen 5(2) dan 10(c) akan mula berkuatkuasa pada tarikh berikutan dengan tarikh penyiaran Akta ini dalam Warta.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 12 Ordinan Peguambela Sabah memperuntukkan bahawa seorang peguambela boleh digantung daripada menjalankan amalan sebagai peguambela ataupun namanya dipotong daripada Daftarai Peguambela di negeri Sabah atas mana-mana sebab sebagaimana yang disenaraikan di dalam seksyen berkenaan, Adalah dicadangkan supaya penalti-penalti yang boleh dikenakan di bawah seksyen 12 ini ditambah dengan tiga penalti lagi, iaitu, denda yang tidak melebihi \$5,000, celaan, censor, dengan izin ataupun pengawardan kos kepada atau terhadap peguambela berkenaan. Penalti-penalti tambahan ini adalah selaras dengan penalti-penalti yang dikenakan kepada seorang peguambela di bawah Akta Profesion Undang-undang 1976 yang terpakai di Malaysia Barat.

Tuan Yang di-Pertua, perenggan (k) seksyen 12 Ordinan Peguambela Sabah memperuntukkan bahawa seseorang Peguambela boleh digantung daripada menjalani amalan sebagai seorang peguambela ataupun namanya dipotong daripada daftarai Peguambela sekiranya dia didapati bersalah kerana melanggar mana-mana kaedah mengawalselia amalan dan etiket profesion yang dibuat di bawah seksyen 17. Perenggan (k) seksyen 12 dicadangkan dipinda untuk membolehkan tindakan diambil terhadap seseorang yang melanggar mana-mana kaedah yang dibuat di bawah perenggan (a), (b) dan (c) seksyen 17, Oleh kerana kaedah-kaedah telahpun dibuat bagi perkara-perkara selain daripada perkara di bawah perenggan (a) seksyen 17, maka adalah wajar bahawa tindakan

juga boleh diambil terhadap seseorang yang telah melanggar kaedah-kaedah yang dibuat di bawah perenggan (b) dan (c) seksyen 17.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan berbangkit daripada pindaan kepada seksyen 12 telah dibuat kepada seksyen 13 dan 14 Ordinan Peguambela Sabah. Pindaan-pindaan kepada seksyen 12, 13 dan 14 akan mula berkuatkuasa pada 25hb Ogos, 1988 iaitu tarikh bilamana Kaedah-kaedah Peguambela (Saraan' 1988 dan Kaedah-kaedah Peguambela (Jawatankuasa Siasatan) 1988 bagi negeri Sabah yang dibuat di bawah seksyen 17 Ordinan Peguambela Sabah mula berkuatkuasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan,

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah [Tuan Adam bin Kadir]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Ordinan Peguambela Sabah dibaca kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan-bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

**Fasal 1 hingga 7** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG PEGUAMBELA (SARAWAK) (PINDAAN)****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****4.15 ptg.**

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Rang Undang-undang yang dinamakan Akta Peguambela (Sarawak) (Pindaan) 1989 dibacakan bagi kali yang kedua. sekarang.

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk membuat pindaan-pindaan kepada sekayen 4, 5, 10, 12, 13 dan 14 Ordinan Peguambela Sarawak Bab 110.

Seksyen 4 Ordinan Peguambela Sarawak memperkatakan tentang kelayakan-kelayakan yang perlu dipenuhi oleh seseorang sebelum orang itu boleh diterima sebagai seorang peguambela. Subseksyen (1) seksyen 4 menyenaraikan kelayakan-kelayakan profesional yang diperlukan sebelum seseorang itu boleh diterima sebagai seorang peguambela. Perenggan .(cc) subseksyen (1) memperuntukkan bahawa seorang yang mempunyai Sarjana Muda Undang-undang dari Universiti Malaya, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia atau Universiti Kebangsaan Singapura atau mempunyai Diploma Lanjutan Undang-undang dari Institusi Teknologi MARA atau mempunyai Sijil Amalan Undang-undang yang diberi oleh Lembaga Kelayakan yang ditubuhkan di bawah Akta Profesion Undang-undang 1976 dikehendaki mempunyai perkaitan Sarawak (Sarawak connection) dan juga telah menjadi Majistret Kelas Percama bagi tempoh tidak kurang dari 12 bulan atau telah menjalani latihan peguam bagi tempoh 12 bulan atau 6 bulan jika dia mempunyai sijil berkenaan dari Universiti Malaya atau Universiti Kebangsaan

Singapura, sebelum orang tersebut boleh memohon untuk diterima sebagai seorang peguambela. Ungkapan 'perkaitan Sarawak' ada ditakrifkan di dalam seksyen 2. Antara lainnya, seseorang itu mempunyai perkaitan Sarawak sekiranya dia dilahirkan di Sarawak atau biasanya bermastautin, di Sarawak bagi tempoh 5 tahun terus-menerus.

Subseksyen (2) seksyen 4 memperuntukkan kelayakan-kelayakan laia yang diperlukan sebelum seseorang itu boleh diterima sebagai seorang peguambela. Perenggan (c) subseksyen. (2) memperuntukkan bahawa seseorang itu dikehendaki mempunyai perkaitan Sarawak atau bermastautin di Sarawak bagi tempoh 6 bulan sebelum sahaja permohonan dibuat atau bermastautin dan menjalankan amalan sebagai seorang peguambela di Sarawak bagi tempoh tertentu sebelum orang itu boleh diterima sebagai seorang peguambela. Oleh kerana hanya seorang yang mempunyai kelayakan undang-undang dari Malaysia ataupun Singapura sahaja dikehendaki mempunyai perkaitan Sarawak dan telah menjadi Majistret Kelas Pertama atau telah menjalani latihan peguam. bagi tempoh tertentu, sebelum orang itu boleh memohon untuk diterima sebagai seorang peguambela adalah dicadangkan supaya kehendak-kehendak ini dikenakan kepada semua orang yang mempunyai kelayakan undang-undang tidak kira dari mana. Cadangan ini akan menghapuskan perbezaan yang tidak wajar yang wujud sekarang. Tidak ada sebab yang munasabah. Untuk memperuntukkan bahawa hanya seseorang yang mempunyai kelayakan tempatan termasuk dari Singapura sahaja diperlukan. memenuhi kehendak tambahan sebagaimana yang terkandung di dalam perenggan, (cc) seksyen 4(1).

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 4(1) Ordinan Peguambela Sarawak akan menyebabkan seseorang yang

mempunyai mana-mana kelayakan profesional yang disenaraikan di dalam subseksyen (1) dikehendaki telah menjadi Majistret Kelas Pertama atau menjalani latihan peguam bagi tempoh tertentu sebelum orang itu boleh diterima sebagai peguambela.

Pindaan. kepada seksyen 4(2) akan menyebabkan kehendak mengenai perkaitan Sarawak juga dikenakan kepada semua orang yang memohon untuk diterima sebagai seorang peguambela, Kehendak alternatif kemastautinan yang wujud sekarang dimansuhkan. Adalah juga dicadangkan supaya satu subseksyea baru (1)(b) dimasukkan ke dalam seksyen 4 Ordinan Peguambela Sarawak untuk memberi kuasa kepada Hakim Besar Borneo bagi mengecualikan seseorang dalam keadaan tertentu sebagaimana yang dinyatakan di dalam subseksyen berkenaan daripada menjalani latihan peguam bagi keseluruhan atau apa-apa bahagian tempoh berkenaan. Pindaan kepada seksyen 4 akan mula berkuatkuasa pada satu tarikh yang ditetapkan. oleh Hakim Besar Borneo melalui pemberitahuan dalam Warta.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 5(2) Ordinan Peguambela Sarawak memperuntukkan bahawa seseorang yang memohon untuk diterima sebagai peguambela dikehendaki menghantar serah satu salinan permohonannya dan segala dokumen menyokong permohonan itu kepada Peguam Besar Negeri Sarawak. Peguam Besar Negeri Sarawak seterusnya berhak didengar atas permohonan itu. Pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 5(2) akan, memperuntukkan bahawa satu salinan permohonan untuk diterima sebagai peguambela dan segala dokumen menyokong permohonan itu akan juga dihantar serah kepada Persatuan Peguambela—peguambela Sarawak. Persatuan ini juga berhak untuk didengar atas permohonan itu. Pindaan ini bertujuan untuk menjadikannya suatu peruntukan undang-undang apa yang sedang diamalkan sekarang.

•Tuan Yang di-Pertua, seksyen 10(c) Ordinan Peguambela Sarawak memperuntukkan bahawa Hakim Besar Borneo boleh mengikut budibicara mutlaknya memberi kebenaran kepada seorang yang mempunyai mana-mana kelayakan yang terkandung di dalam seksyen 4(1) untuk mengendalikan satu kes atau perkara dengan syarat orang berkenaan telah diarahkan oleh seseoraag penguambela tempatan atau memandangkan keadaan hal yang 'relevant' adalah pendapat Hakim Besar bahawa kebenaran patut diberi demi untuk keadilan. Pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 10(c) adalah-untuk memperuntukkan bahawa kedua-dua syarat dan. bukannya salah "satu daripadanya patut dipenuhi sebelum Hakim Besar boleh memberi kebenaran kepada orang itu untuk mengendalikan sesuatu kes atau perkara di Sarawak. Pindaan ini adalah untuk membetulkan apa yang difikirkan adalah satu kesilapan tipographi.



Pindaan-pindaan kepada seksyen 5(2) dan 10(c) akan mula berkuatkuasa pada tarikh berikutan dengan tarikh penyiaran Akta ini di dalam warta.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 12 Ordinan Peguambela Sarawak memeruntukkan bahawa seseorang peguambela boleh digantung daripada menjalankan amalan sebagai peguambela ataupun namanya dipotong daripada daftarai peguambela di negeri Sarawak atas mana-mana sebab sebagaimana yang disenaraikan di dalam seksyen berkenaan. Adalah dicadangkan supaya penalti-penalti yang boleh dikenakan di bawah seksyen 12 ini ditambah dengan 3 penalti lagi iaitu denda yang tidak melebihi \$5,000, celaan (censured) ataupun pengawardan kos kepada atau terhadap peguambela berkenaan. Penalti-penalti tambahan ini adalah selaras dengan penalti-penalti yang dikenakan kepada seorang peguambela di bawah Akta Profesion Undang-undang 1976 yang terpakai di Malaysia Barat.

Tuan Yang di-Pertua, perenggan (k) seksyen 12 Ordinan Peguambela Sarawak memeruntukkan bahawa seseorang peguambela boleh digantung daripada menjalani amalan sebagai seorang peguambela ataupun namanya dipotong daripada daftarai peguambela sekiranya dia didapati bersalah kerana melanggar mana-mana kaedah yang mengawalselia amalan dan etika profesion yang dibuat di bawah seksyen 17. Perenggan (k) seksyen 12 dicadangkan dipiada untuk membolehkan tindakan diambil terhadap seseorang yang melanggar mana-mana kaedah yang dibuat di bawah perenggan (a), (b) dan (c) seksyen 17. Oleh kerana kaedah-kaedah telahpun dibuat bagi perkara-perkara selain daripada perkara di bawah perenggan (a) seksyen 17 maka adalah wajar bahawa tindakan juga boleh diambil terhadap seseorang yang telah melanggar kaedah-kaedah yang dibuat di bawah perenggan (b) dan (c) seksyen 17.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan berbangkit daripada pindaan kepada seksyen 12 telah dibuat kepada seksyen 13 dan 14 Ordinan Peguambela Sarawak. Pindaan-pindaan kepada seksyen 12, 13 dan 14 akan mula berkuatkuasa pada 1hb Disember 1984 iaitu tarikh bilamana Kaedah-kaedah Peguambela (Saraan) 1988 dan Kaedah-kaedah Peguambela Jawatankuasa Siasatan. 1988 bagi negeri Sarawak yang dibuat di bawah seksyen 17 Ordinan Peguambela Sarawak mula berkuatkuasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen. Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah [Tuan Adam bin Abdul Kadir]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk ~~meminda~~ Ordinan Peguambela Sarawak dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]**

**Fasal 1 hingga 7** diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan

**RANG UNDANG-UNDANG KANUN KESEKSAAN (PINDAAN)****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****4.24 ptg.**

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Kanun Keseksaan dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan kepada Kanun Keseksaan ini mempunyai dua tujuan utama iaitu pertamanya untuk meraperkemas dan memperketatkan takrif bagi kesalahan-kesalahan tertentu seperti rogol dan mengadakan hubungan seks yang bertentangan dengan aturan tabie. Keduanya untuk menaikkan hukuman penjara maksimum bagi kesalahan-kesalahan seksual dan kesalahan-kesalahan yang berhubungan dengan harta termasuk mengenakan hukuman, penjara mandatori bagi kesalahan rogol dan mencuri kenderaan.

Kejadian kesalahan-kesalahan seksual seperti rogol adalah semakin meningkat jumlahnya. Statistik yang ada menunjukkan dalam tahun 1988 terdapat 611 kes rogol yang dilaporkan berbanding dengan 368 kes dalam tahun. 1980. Mungkin jumlah ini tidak menunjukkan angka yang sebenarnya kerana terdapat kes-kes yang tidak dilaporkan. untuk mengelakkan publisiti. Memandangkan meningkatnya peratusan kejadian kesalahan itu, keganasan yang terlibat dalam perlakuannya dan kesannya dari segi mental dan fizikal terhadap si mangsa, Kerajaan memikirkan adalah wajar untuk mengkaji semula hukuman-hukuman.bagi kesalahan itu.

Satu lagi kesalahan yang boleh dikategorikan sebagai kesalahan seksual yang semakin menular di kalangan masyarakat ialah kesalahan kesalahan luar tabie seperti memperkosa si mangsa dengan melakukan hubungan seks dengan tidak normal dan yang sering menjadi mangsa kesalahan-keaalahan ini ialah kanak-kanak kecil tanpa mengira jantina. Hubungan seks yang bertentangan- dengan aturan tabie sedemikian jika dilakukan tanpa persetujuan atau dengan menggunakan kekerasan juga boleh disamakan dengan kesalahan rogol dari aspek fizikal dan kesannya terhadap si mangsa. Kerajaan mendapati bahawa-jenayah-jenayah seperti ini juga harus dibendung dengati mengenakan hukuman-hukuman yang boleh menjadi pencegah ataupun deterrent, dengan izin, yang benar-benar efektif bagi perlakuannya.

Selain daripada itu satu lagi kategori kesalahan yang kian meningkat dan menimbulkan masalah besar adalah jenayah-jenayah 'yang berhubungan dengan harta seperti kesalahan mencuri, pemerasan, menipu, pecah amanah dan menyimpan harta curi. Mengikut statistik yang ada kes kecurian yang dilaporkan pada tiap-tiap tahun menunjukkan angka yang tinggi. Jumlah purata kes-kes kecurian yang dilaporkan dari tahun 1984 hingga 1988" adalah sebanyak 74,200 kes setiap tahun. Daripada jumlah kecurian yang dilaporkan tiap-tiap tahun kira-kira 24% daripadanya adalah melibatkan kecurian. kenderaan, Jumlah kecurian kenderaan yang dilaporkan kian meningkat dari tahun ke tahun dan jumlah kes yang dilaporkan dalam tahun 1988 sahaja adalah sebanyak 16,147.

Selain daripada kesalahaa mencuri, kejadian menipu dan pecah amanah semakin berleluasa dan melibatkan wang dan harta yang bernilai berjuta-juta ringgit. Statistik yang ada menunjukkan bahawa kes penipuan yang dilaporkan telah meningkat daripada 1,112

kes dalam tahun 1980 kepada 2,046 kes dalam tahun 1988, iaitu peningkatan sebanyak 84%. Kes pecah amanah yang dilaporkan pula telah meningkat daripada 417 kes dalam tahun 1980 kepada 929 kes dalam tahun 1988 iaitu peningkatan sebanyak 122 peratus dan purata bagi tahun 1984 hingga 1988 ialah sebanyak 990 kes setiap tahun. Kejadian pecah amanah terutamanya tidak hanya dilakukan oleh orang biasa tetapi juga oleh orang-orang yang berkedudukan tinggi yang mengambil kesempatan daripada kedudukan dan pengaruh mereka untuk melakukan jenayah tersebut. Mereka yang melakukan jenayah sedemikian seringkali dikenakan hukuman yang tidak setimpal dengan penipuan dan pecah amanah yang dilakukan kerana hukuman maksimum bagi kesalahan-kesalahan ini masih rendah dan tidak mempunyai pencegahan yang kuat bagi membendung kesalahan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk membendung kejadian jenayah-jenayah yang telah disebutkan tadi Kerajaan bercadang untuk meminda beberapa peruntukan dalam Kanun Keseksaan seperti berikut:-  
Pindaan kepada Seksyen 292 dan 293

Pindaan kepada Seksyen 292 dan 293 Kanun, sebagaimana terdapat dalam Pasal 3 dan 4 Rang Undang-undang, adalah bertujuan menaikkan hukuman penjara maksimum bagi kesalahan-kesalahan yang berhubungan dengan penjualan, penyewaan, pengedaran, pameran, pengimportan dan pengeksporan bahan-bahan dan penerbitan-penerbitan lucah. Hukuman penjara maksimum di bawah Seksyen 292 dinaikkan daripada 3 bulan kepada 3 tahun, dan bagi kesalahan di bawah seksyen 293 yang melibatkan orang di bawah umur 20 tahun hukuman penjara maksimum dinaikkan daripada 6 bulan kepada 5 tahun. Pindaan kepada hukuman-hukuman ini adalah perlu memandangkan bahawa kesalahan-kesalahan tersebut adalah kesalahan yang serius dan boleh meninggalkan kesan

buruk dari segi akhlak dan moral ke atas seseorang yang didedahkan dengan bahan-bahan lucah tersebut.

#### Pindaan kepada Seksyen 312

Pindaan kepada Seksyen 312, sebagaimana terdapat dalam Fasal 5 Rang Undang-undang, ialah bagi memperluaskan kekecualian bagi kesalahan pengguguran kandungan seseorang-perempuan hamil di bawah seksyen tersebut. Di bawah pindaan ini seseorang pengamal perubatan berdaftar adalah dikecualikan daripada, kesalahan menggugurkan kandungan seseorang perempuan yang hamil jika pengguguran itu dilakukan bagi maksud menyelamatkan nyawa atau bagi mengelakkan berlakunya kecederaan kepada kesihatan mental atau fizikal perempuan tersebut jika kandungannya itu dibiarkan berterusan. Di bawah peruntukan yang sedia ada kekecualian itu hanya terpakai bagi maksud menyelamatkan nyawa sahaja. Pindaan sedemikian adalah difikirkan perlu memandangkan bahawa kekecualian yang sedia ada adalah terlalu sempit.

#### Pindaan kepada Seksyen 354

Kesalahan menggunakan kekerasan jenayah dengan tujuan untuk mencabul kehormatan seseorang juga merupakan suatu jenayah yang serius dan seringkali kesalahan-kesalahan sedemikian melibatkan perkosaan dan kegasan, ke atas si mangsa. Tujuan pindaan kepada Seksyen 354, sebagaimana terdapat di bawah Fasal 6 Rang Undang-undang, ialah untuk menaikkan hukuman penjara maksimum bagi kesalahan tersebut daripada 2 tahun kepada 10 tahun kepada penalti yang sedia ada adalah difikirkan tidak setimpal dengan beratnya kesalahan yang dilakukan itu.

#### Pindaan kepada Seksyen 375

Pindaan kepada seksyen 375, sebagaimana terdapat dalam Fasal 7 Rang Undang-undang, adalah bertujuan meminda takrif rogol di bawah seksyen itu bagi memperkemas dan memperketatkan takrif kesalahan tersebut. Di antara helah dan cara yang dilakukan oleh seseorang perogol untuk mendapatkan persetujuan mangsanya untuk mengadakan hubungan jenis ialah dengan menimbulkan ketakutan dan mencederakan seseorang lain yang ada kaitan dengan si mangsa atau dengan menimbulkan salah tanggapan mengenai fakta di pihak si mangsa.

Satu cara lain ialah dengan memberi si mangsa ubat-ubatan atau dadah yang boleh menyebabkan si mangsa tidak menyedari tentang persetujuan yang diberinya itu.

Dengan pindaan kepada takrif rogol ini seseorang yang mendapat persetujuan dengan cara-cara tersebut di atas untuk mengadakan perhubungan jenis tetap melakukan kesalahan rogol.

Bagi perempuan di bawah umur 16 tahun dia dianggap sebagai dirogol, tidak kira ia memberi izin atau tidak. Sekatan umur ini dinaikkan dari 14 ke 16 tahun. Pindaan ini adalah perlu memandangkan seseorang perempuan yang berumur di bawah 16 tahun adalah ter-

untuk memahami kesan dan akibat persetujuan yang diberikannya

Pindaan juga telah dibuat kepada kecualian bagi kesalahan rogol di bawah seksyen ini. Mengikut peruntukan sekarang hubungan jenis di antara suami isteri dikecualikan daripada menjadi kesalahan rogol sekiranya isteri berumur tidak kurang daripada 13 tahun. Dengan pindaan ini umur isteri tidak lagi dijadikan kriteria bagi pengecualian kesalahan tersebut tetapi bergantung kepada kesahan perkahwinan itu di bawah undang-undang. Pindaan ini adalah sesuai memandangkan kini terdapat undang-undang yang mengawal umur minimum perkahwinan dan lagi dalam hal orang Islam mungkin terdapat perkahwinan yang sah di antara seorang lelaki dengan perempuan di bawah umur 16 tahun. Penjelasan keadaan-keadaan "di mana seseorang perempuan itu tidak disifatkan sebagai isteri juga telah diperuntukkan dalam Huraian 1 dan 2 yang telah dimasukkan ke dalam Seksyen ini.

#### **Pindaan kepada Seksyen 376**

Pindaan kepada seksyen 376, sebagaimana terdapat dalam Pasal 8 Rang Undang-undang, bertujuan menaikkan penalti bagi kesalahan rogol, dengan memperuntukkan hukuman penjara mandatori selama sekurang-kurangnya 5 tahun bagi mencerminkan beratnya dan kutukan masyarakat terhadap kesalahan yang dilakukan itu. Kesalahan rogol ini lazimnya dilakukan dengan kejam tanpa berperikemanusiaan dan akan meninggalkan kesan buruk yang berkekalan dari segi mental dan fizikal ke atas si mangsa. Dengan mengenakan hukuman penjara mandatori ini adalah diharapkan ia akan menjadi suatu pencegahan atau deterrent yang kuat bagi perlakuan kesalahan ini.

#### **Seksyen baru 377, 377A, 377B dan 377C**

Seksyen baru 377, 377A, 377B dan 377C, sebagaimana terdapat dalam Fasal 9 Rang Undang-undang, bertujuan mentakrifkan semula kesalahan luar tabii di bawah Seksyen 377 yang sedia-ada.

Seksyen 377 yang sedia ada memperuntukkan dua jenis kesalahan luar tabii iaitu kesalahan melakukan hubungan seks dengan binatang dan kesalahan melakukan hubungan seks yang bertentangan dengan



aturan tabii sesama manusia. Penggantian seksyen 377 ini bertujuan memperuntukkan kedua-dua jenis kesalahan ini di bawah seksyen-seksyen yang berlainan untuk membolehkan penalti yang berlainan dikenakan bagi kesalahan-kesalahan tersebut. Kesalahan melakukan hubungan seks dengan binatang adalah diperuntukkan di bawah Seksyen 377 baru, dengan penalti yang sama seperti yang diperuntukkan sekarang. Seksyen baru 377A mentakrifkan kesalahan melakukan hubungan seks yang bertentangan dengan aturan tabii antara manusia sebagai hubungan seks yang dilakukan secara tidak normal, Takrif sedemikian adalah perlu bagi menjelaskan lagi maksud kesalahan-kesalahan tersebut.

Seksyen 377B memperuntukkan hukuman bagi melakukan hubungan seks sedemikian, yang mana adalah sama dengan hukuman yang ada sekarang.

Seksyen 377C memperuntukkan hukuman bagi kesalahan melakukan hubungan seks sedemikian ke atas seseorang lain tanpa persetujuan atau bertentangan dengan kemahuan orang tersebut atau dengan ugutan. Hukuman yang dikenakan ialah penjara mandatori sekurang-kurangnya lima tahun. Cadangan bagi mengadakan hukuman penjara mandatori ini ialah memandangkan bahawa hubungan seks sedemikian yang dilakukan dengan kekerasan dan tanpa izin akan mengakibatkan si mangsa tertakluk kepada kehinaan dan keganasan yang sama seperti rogol.

Pindaan kepada Seksyen 377A yang sedia ada

Seksyen 377A yang sedia ada, yang telah dinomborkan semula sebagai seksyen 377D, memperuntukkan mengenai kesalahan-kesalahan melakukan perbuatan kelucahan melampau dan hanya terpakai bagi orang lelaki. Pindaan kepada seksyen ini bertujuan memperluaskan skop seksyen ini kepada semua orang memandangkan bahawa perbuatan melakukan kelucahan melampau ini juga berlaku di kalangan perempuan.

**Seksyen Baru 377E**

Seksyen baru 377E, yang dimasukkan ke dalam Kanun melalui Pasal 11 Rang Undang-undang, adalah bertujuan mewujudkan satu kesalahan baru kerana merangsang kanak-kanak di bawah umur 14 tahun melakukan kelucahan melampau. Terdapat keadaan di mana seseorang itu akan mendorong seorang kanak-kanak melakukan sesuatu perbuatan lucah ke atas tubuh badan orang itu sedangkan orang itu sendiri tidak melakukan apa-apa perbuatan ke atas kanak-kanak itu yang membolehkan dakwaan dibuat terhadapnya di bawah mana-mana peruntukan yang sedia ada dalam Kanun Keseksaan. Dengan adanya kesalahan baru ini seseorang yang melakukan jenayah sedemikian tidak akan terlepas daripada pendakwaan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan di bawah Fasal 12 hingga 32 Rang Undang-undang adalah bertujuan menaikkan hukuman penjara maksimum bagi kesalahan-kesalahan yang berhubungan dengan harta seperti kesalahan mencuri, menipu, pemerasan, pecah amanah dan sebagainya. Pindaan-pindaan kepada seksyen-seksyen yang berkenaan akan dihuraikan berikut ini mengikut jenis kesalahan-kesalahan tersebut.

**Pindaan kepada Seksyen 379 dan 380 dan Seksyen 379A Baru**

Seksyen 379 dan 380 masing-masing memperuntukkan mengenai hukuman bagi kesalahan mencuri dan mencuri dalam rumah kediaman. Pindaan yang dicadangkan kepada seksyen-seksyen ini, sebagaimana terdapat di bawah Fasal 12, bertujuan menaikkan hukuman penjara maksimum bagi kesalahan di bawah Seksyen 379 daripada 3 tahun kepada 7 tahun, di samping mengenakan hukuman penjara mandatori bagi kesalahan kedua dan berikutnya, dan daripada 7 tahun kepada 10

tahun bagi kesalahan di bawah Seksyen 380. Seksyen Baru 379A memperuntukkan hukuman khas bagi kesalahan mencuri kenderaan dengan mengenakan hukuman penjara mandatori sekurang-kurangnya satu tahun. Tujuan mengenakan hukuman penjara mandatori bagi kesalahan mencuri kenderaan ini ialah bertujuan membendung jenayah-jenayah sedemikian yang semakin meningkat dan melibatkan sindiket-sindiket besar.

Pindaan kepada Seksyen 384, 385, 386 dan 387

Pindaan kepada Seksyen 384, 385, 386 dan 387 yang masing-masing terdapat dalam Fasal 14 hingga 17 Rang Undang-undang, adalah bertujuan menaikkan hukuman bagi semua jenis kesalahan pemerasan. Hukuman-hukuman bagi pemerasan di bawah Seksyen 384 dan bagi pemerasan dengan meletakkan orang dalam ketakutan mati di bawah Seksyen 386, adalah masing-masingnya dinaikkan daripada 3 tahun kepada 10 tahun dan daripada 10 tahun kepada 14 tahun. Manakala hukuman bagi meletakkan orang dalam ketakutan kecederaan di bawah Seksyen 335 dan ketakutan mati di bawah Seksyen 387, untuk melakukan pemerasan, adalah masing-masingnya dinaikkan daripada 2 tahun kepada 7 tahun dan daripada 7 tahun kepada 10 tahun.

Pindaan kepada Seksyen 406, 407 dan 408

Pindaan kepada Seksyen 406, 407 dan 408 yang masing-masing terdapat dalam Fasal 20 hingga 22 Rang Undang-undang, adalah bertujuan menaikkan hukuman penjara maksimum bagi semua jenis kesalahan pecah amanah. Hukuman bagi kesalahan di bawah Seksyen 406 telah dinaikkan daripada 3 tahun kepada 10 tahun, manakala hukuman bagi kesalahan pecah amanah oleh pembawa dan lain-lain di bawah Seksyen 407 dan pecah amanah oleh pekerja dan kerani di bawah Seksyen 408 adalah masing-masing dinaikkan daripada 7 tahun kepada 10 tahun.

Cadangan pindaan ini adalah perlu supaya hukuman bagi kesalahan-kesalahan sedemikian dapat dijadikan pencegahan dan benar-benar efektif bagi membendung kesalahan pecah amanah jenayah yang semakin berleluasa dan melibatkan jumlah wang yang besar amaunnya.

#### **Pindaan kepada Seksyen 411 dan 414**

Pindaan kepada Seksyen 411 dan 414, yang masing-masing terdapat dalam Fasal 23 dan 24 Rang Undang-undang, adalah bertujuan menaikkan hukuman penjara maksimum bagi kesalahan menyimpan harta curi di bawah Seksyen 411 daripada 3 tahun kepada 5 tahun dan bagi membantu melindungi harta curi di bawah Seksyen 414 daripada 3 tahun kepada 7 tahun. Pindaan seksyen ini juga bertujuan mengenakan hukuman penjara mandatori sekurang-kurangnya 6 bulan bagi pencurian kenderaan motor.

#### **Pindaan kepada Seksyen 417, 418, 419 dan 420**

Pindaan kepada Seksyen 417, 418, 419 dan 420 yang masing-masing terdapat dalam Fasal 25 hingga 28 Rang Undang-undang, adalah bertujuan menaikkan hukuman penjara maksimum bagi semua jenis kesalahan menipu. Hukuman bagi penipuan di bawah Seksyen 417 adalah dinaikkan daripada 1 tahun kepada 5 tahun, dan bagi kesalahan-kesalahan menipu untuk menyebabkaa kerugian salah kepada seseorang yang kepentingannya dilindungi oleh pesalah, di bawah Seksyen 418, dan menipu dengan jalan samaran di bawah seksyen 419, kenaikan hukumannya adalah daripada 3 tahun kepada 7 tahun. Hukuman bagi menipu untuk mendorong penyerahmilikan harta di bawah Seksyen 420 adalah dinaikkan daripada 7 tahun kepada 10 tahun,

**Pindaan kepada Seksyen 421, 422, 423 dan 424**

Pindaan kepada Seksyen 421, 422, 423 dan 424 yang masing-masing terdapat dalam Fasal 29 hingga 32 Rang Undang-undang, adalah bertujuan menaikkan hukuman penjara maksimum bagi kesalahan mengenai suratikatan fraud, dengan izin, dan melupuskan harta secara fraud di bawah seksyen-seksyen tersebut daripada 1 tahun kepada 5 tahun. Cadangan kenaikan hukuman ini adalah perlu bagi menyelaraskan hukuman di bawah seksyen-seksyen ini dengan kenaikan hukuman bagi kesalahan-kesalahan berhubung dengan harta yang lain yang disebutkan terdahulu.

**Pindaan kepada Seksyen 509**

Seksyen 509 Kanun Keseksaan memperuntukkan kesalahan bagi menggunakan perkataan atau isyarat untuk menghina kehormatan seseorang perempuan. Pindaan kepada Seksyen 509 ini bertujuan meluaskan skop kesalahan ini kepada semua orang kerana kesalahan sedemikian juga boleh dilakukan ke atas lelaki.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan kepada Kanun Keseksaan ini adalah difikirkan penting untuk mengatasi kelemahan-kelemahan yang ada bagi pendakwaan kesalahan-kesalahan tertentu dengan lebih berkesan. Adalah diharapkan kenaikan hukuman-hukuman bagi kesalahan-kesalahan yang telah dibincangkan tadi, termasuk mengenakan hukuman penjara mandatori bagi kesalahan rogol dan mencuri kenderaan, akan dapat menjadikannya suatu pencegahan (deterrent) yang efektif dan berkesan dalam usaha untuk membendung kejadian tersebut. Mudah-mudahan dengan cadangan yang dikemukakan ini perlakuan kesalahan-kesalahan seksual dan kesalahan yang berhubung dengan harta ini akan dapat dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Datuk Haji Hussein bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Kanun Keseksaan (N.M.B. Bab 45), dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

**4.44 ptg.**

**Dato' Haji Zakaria bin. Haji Yahaya:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, memberi saya peluang kesempatan untuk membahaskan suatu Akta yang dinamakan untuk meminda kanun Keseksaan.

Kita baru sahaja mendengar penjelasan panjang lebar dan pada Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam membentangkan Akta ini dan kita juga telahpun membaca daripada Rang Undang-undang ini, keseluruhannya Akta ini ialah untuk mengemaskinikan dan mengetatkan serta meningkatkan denda-denda yang setimpal dengan keadaan jenayah yang disebutkan bermula daripada kes curi kecil-kecilan, rogol, penipuan, pecah amanah dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya di sini hanya hendak bercakap soal pindaan kepada Pasal 20, 21, 22, 25, 26, 27 dan 28 yang merangkumi masalah peningkatan pecah amanah dan penipuan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam dua tiga tahun kebelakangan ini penipuan kewangan dan penjenayahan perdagangan terlalu menjadi-jadi. Menurut kenyataan yang dibuat baru-baru ini oleh Ketua Polis Negara, Tan Sri Hanif Omar, pada tahun 1988 sahaja terdapat 4,258 kes jenayah perdagangan yang melibatkan kerugian wang kira-kira \$214 juta. Jika kemelesetan ekonomi merupakan punca terjadinya begitu banyak komplot dan skandal kewangan tetapi banyak negara-negara lain yang mengalami keadaan ekonomi yang sama tidak berlaku penipuan dan

penjenayahan perdagangan yang sedemikian rupa seperti yang berlaku di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, berlaku utama dalam skandal kewangan seperti pecah amanah, penipuan, penyelewengan, penyalahgunaan kuasa tidak lagi dilakukan oleh satu-satu golongan tertentu sahaja. Tegasnya, rakyat Malaysia tanpa mengira kaum, keturunan, agama dan status telah sama-sama melibatkan diri dalam penipuan kewangan dan penjenayahan perdagangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, jika dijumlahkan entah sudah berapa ribu juta ringgit yang terlibat dengan kegiatan haram itu. Jika dahulu kita ada skandal kewangan Bank Buruh dan BMF, sekarang ini terdapat pula institusi kewangan yang lain yang juga mengalami entah berapa ribu juta ringgit lagi. Setakat ini bank yang bermasalah ialah Perwira Habib Bank, United Asian Bank, Sabah Bank, Koperasi Pusat dan Oriental Bank. Syarikat kewangan yang bermasalah pula ialah Asia Finance dan Yu Finance, Supreme Finance dan First Malaysia Finance, Skandal yang berlaku ke atas Koperasi Pengambilan Deposit tentu masih lagi segar dalam ingatan kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Jaafar Hussein, Gabenor Bank Negara pernah mengumumkan institusi kewangan yang bermasalah bukanlah suatu yang menghairankan. Ambillah sebagai contoh, Asia Finance dan Yu Finance, masing-masing telah kerugian puluhan malahan ratusan ribu juta ringgit tetapi cuma yang diumumkan bahawa institusi kewangan itu telah diambil alih oleh Bank Negara. Dari dahulu hingga sekarang, ertinya sepanjang masa dan zaman memang ada perasaan setengah daripada setengah manusia ini yang tidak kuat pegangan dan keimanannya berpendapat daripada menjadi miskin terus-menerus, lagi baik melakukan penyelewengan dan penipuan asalkan

dapat menjadi kaya dengan cepat, apa tidaknya terdapat ahli-ahli politik, teknokrat, birokrat dan peniaga cuma dipenjarakan antara dua hingga lima tahun sekalipun wang yang mereka lesapkan atau telankan itu berjumlah berjuta-juta ringgit.

Tuan Yang di-Pertua, apa salahnya jika seseorang menipu, pecah amanah, menyeleweng atau menyalahgunakan kuasa asalkan duit bertimbun-timbun dapat diperolehi. Sekalipun dipenjara atau diisytiharkan muflis orang itu tetap boleh hidup senang, mewah, selesa dan kaya-raya. Dia tinggal di banglow-banglow indah, punya kereta mewah dan makan angin ke luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, di hadapan Dewan kita hari ini kita sedang membahaskan satu Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) yang akan memberi kuasa menghukum penjenayah-penjenayah perdagangan dan hukuman penjara dan denda yang lebih berat. Ini memang wajar dan kena pada



Jika tidak, apakah kes penipuan dalam bank-bank dan institusi-institusi kewangan tidak akan berulang lagi. Saya berpendapat, Tuan Yang di-Pertua, setelah mendengar hukuman-hukuman yang dicadangkan dalam Akta ini, penjara dan denda yang lebih berat seperti yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang itu belum mencukupi sekiranya kita benar-benar mahu memastikan gejala dan perkembangan yang tidak sihat itu supaya tidak berulang lagi. Hukuman penjara dan denda seperti yang dicadangkan itu hendaklah ditambah dengan hukuman sebat dengan rotan, kerana dengan itu sahaja dapat mengingatkan mereka kesan-kesan yang baik untuk tidak mengulangi kejadian-kejadian yang tidak sihat dan terkutuk itu.

Tuan Yang di-Pertua, andainya institusi kewangan kita sering bermasalah, tentunya para pelabur tempatan dan luar negeri gentar dan bimbang untuk membuat pelaburan ataupun melibatkan diri dalam sebarang kegiatan ekonomi di negara ini. Andainya ini berlaku yang rugi tentunya rakyat kita sendiri, bukan para pelabur atau orang kaya raya itu.

Sekian sahaja hujjah saya, dan saya menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Puan Valli Muthusamy.

4.52 ptg.

**Puan Valli Muathusamy:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun di Dewan yang mulia ini untuk membahaskan Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda kanun Keseksaan. Sebagai seorang pemimpin wanita, saya mengalu-alukan Rang Undang-undang ini bagi pihak semua wanita di negara ini dan juga bagi pihak berbagai pertubuhan wanita termasuklah wanita Barisan Nasional, terutamanya

wanita UMNO, MCA dan MIC yang telah berusaha lama untuk mengemukakan pindaan ini, Saya juga suka mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Siti Zaharah, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang merupakan kuasa penting untuk membentangkan Rang Undang-undang ini. Malangnya, saya merasa kesal dengan sikap beberapa orang saudara Wakil Rakyat yang menganggap isu ini bahan ketawa dan tidak memberi perhatian serius yang sewajarnya. Rogol adalah satu jenayah yang amat serius. Oleh yang demikian adalah adil untuk mengenakan hukuman berat terhadap yang tertuduh. Perbuatan rogol bukan sahaja meninggalkan kesan yang buruk ke atas mangsanya dari segi fizikal malah juga dari segi mental dan emosinya.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dibawa terhadap undang-undang berkaitan dengan kesalahan rogol yang sedia ada, adalah satu yang agak penting, akan tetapi kita harus menyedari bahawa masalah rogol adalah jauh lebih rumit daripada hanya menyelesaikannya melalui undang-undang. Jalan penyelesaian untuk mengatasi masalah ini hanya boleh dilakukan jika aspek-aspek sosial yang masih tidak ketara dikenalpasti dan dihubungkan dengan undang-undang. Perkara utama ialah haruslah diwujudkan satu pasukan polis yang diberi latihan yang khusus dan intensif di mana pasukan tersebut haruslah berupaya untuk mengendalikan sesuatu kes atau menolong simangsa rogol secepat selepas kejadian rogol tersebut berlaku. Seboleh-bolehnya pasukan tersebut atau pegawai-pegawai penyiasat tersebut haruslah dari kalangan wanita kerana mangsa-mangsa akan merasa lebih selesa. Begitu juga pemeriksaan perubatan ke atas

mangsa itu haruslah dilakukan oleh seorang pakar dengan cara yang sistematik dan bertanggungjawab. Juga pemeriksaan dan rawatan untuk penyakit venerial disease (VD), dengan izin, harus diwujudkan untuk simangsa tersebut.

Apa yang penting di sini ialah kebajikan simangsa tersebut. Sesiapa juga yang terlibat dalam penyiasatan sesuatu kes rogol haruslah sedar bahawa mangsa tersebut telah mengalami satu kejadian yang buruk yang mana membawa kesakitan dari segi fizikal dan mental. Oleh yang demikian, mangsa tersebut tidak patut dibiarkan menderita lagi. Segala tindakan harus diambil untuk menamatkan penderitaan simangsa tersebut. Dalam kejadian kes rogol, mangsa-mangsa rogol mengalami kesengsaraan sama ada secara fizikal atau mental yang akan sentiasa menghantui pemikiran mangsa itu selama hayatnya. Oleh itu ia haruslah dirawat terlebih awal lagi.

Dengan demikian, kita harus secara serius memikirkan tentang perlunya diwujudkan pusat krisis rogol di mana seseorang mangsa boleh menerima rawatan penyakit jiwa dan kaunseling selepas mengalami tragedi tersebut. Pusat ini harus dikhaskan untuk membantu dan merawat mangsa-mangsa tersebut menjalani kehidupan yang normal semula. Walaupun penekanan kita ialah terhadap mangsa tersebut, kita harus juga memberi perhatian yang serius terhadap siperogol tersebut. Oleh kerana undang-undang kita tidak membawa kepada hukuman mati kepada siperogol, maka kami dihadapi dengan masalah kemungkinan siperogol melakukan perbuatan terkutuk tersebut semula sebaik sahaja keluar dari penjara. Tindakan-tindakan yang lebih

berkesan adalah untuk memberi rawatan pemulihan yang sempurna kepada siperogol itu semasa ia berada di dalam penjara. Cara yang berkesan sekali untuk menjalankan rawatan pemulihan ke atas siperogol tersebut ialah melalui rawatan penyakit jiwa. Dengan tindakan ini, beserta dengan hukuman penjara dan sebatan, adalah diharapkan siperogol tidak akan mengulangi perbuatan terkutuk ini lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya sokong pindaan-pindaan baru terhadap undang-undang rogol, tetapi saya percaya bahawa hukuman-hukuman yang lebih berat harus diserahkan bagi kumpulan-kumpulan penjenayah yang tertentu. Kumpulan-kumpulan ini adalah orang-orang yang menyalahgunakan jawatan mereka untuk tujuan-tujuan tertentu. Saya merujuk di sini kepada Pegawai-pegawai Polis, Penguasa-pengusa Penjara dan Pekerja—pekerja Asrama dan rumah-rumah kediaman. Ia juga termasuk para bapa yang melakukan perbuatan terkutuk tersebut ke atas orang-orang di bawah jagaannya. Saya rasa mungkin berlaku banyak kejadian buruk dan yang tidak diingini di sekolah-sekolah berasrama penuh, institusi-institusi mental, sekolah-sekolah pemulihan dan rumah-rumah anak yatim, tetapi hanya beberapa kejadian sahaja yang dibawa ke muka pengadilan.

Saya mencadangkan supaya orang-orang yang menyalahgunakan jawatan atau kedudukan mereka untuk mencederakan wanita-wanita atau kanak-kanak yang berada di bawah jagaan mereka haruslah diberi hukuman yang berat iaitu hukuman mati atau penjara seumur hidup. Walaupun kejadian jenayah terhadap wanita dan kanak-kanak makin meningkat, kebanyakan kes tidak dilaporkan kerana stigma sosial dan juga perasaan malu yang dirasakan oleh simangsa dan keluarganya.

Rogol adalah suatu penyakit sosial yang serius yang harus dipandang secara lebih mendalam dan serius. Sebagaimana yang dimaklumkan tadi, saya amat sedih dengan sikap beberapa orang Ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat yang tidak memberi penekanan yang serius terhadap perkara ini. Isu rogol hanya boleh dikendalikan dengan berkesan jika wujud perubahan tingkah-laku di kalangan masyarakat kita terhadap masalah ini.

Seorang mangsa rogol harus dilayan seperti seorang mangsa dan tidak seharusnya dilayan seolah-olahnya sebagai penjenayah. Mangsa itu sepatutnya dilayan dengan perasaan simpati tetapi apa yang kadang-kadang berlaku ialah simangsa dikutuk dan disisihkan oleh masyarakat. Hanya melalui pendidikan mengenai kesan-kesan merogol serta masalah-masalah yang dihadapi oleh mangsa-mangsa, maka masyarakat kita dapat memahami serta mengubah pemikiran mereka terhadap seorang mangsa rogol.

Untuk mencapai objektif ini, pihak media massa boleh memainkan peranan yang penting. Begitu juga dengan penulisan sesuatu buku atau penggambaran sesuatu filem. Maka sebarang penggambaran kejadian

yang berkaitan dengan perbuatan-perbuatan jenayah khususnya rogol harus tidak dibenarkan menunjukkan sikap-sikap keterlaluan. Selalunya dalam filem-filem Tamil, seorang mangsa rogol tidak akan menerima keadilan tetapi hanya menerima padahnya dan perogol akan terlepas dari perbuatannya. Kami tidak mahu hal-hal macam ini diserapkan dalam pemikiran masyarakat kita.

Jenayah rogol adalah satu perbuatan yang amat terkutuk dan hanya simangsa yang sepatutnya menerima keadilan. Saya tidak menekankan di sini bahawa semua filem yang memaparkan adegan-adegan rogol harua ditapis. Terdapat filem-filem yang memaparkan seorang mangsa itu mencari keadilan menerusi pelbagai cara dan ini boleh dijadikan teladan serta galakan kepada mangsa-mangsa rogol. Hanya adegan-adegan filem yang menunjukkan kesan-kesan buruk ke atas seorang mangsa dan persepsi negatif masyarakat terhadap beliau yang harus ditapis.

Pendidikan mengenai jenayah rogol amat penting khususnya kepada kanak-kanak dan muda-mudi. Saya mencadangkan undang-undang mengenai jenayah rogol harus diajar di sekolah-sekolah menengah. Saya mengalu-alukan pindaan terhadap Kanun Keseksaan iaitu seksyen-seksyen 354, 375 dan 376 tetapi merasa kesal kerana seksyen-seksyen lain khususnya seksyen-seksyen 366 hingga 369, seksyen-seksyen 372 hingga 373A dan 374 serta seksyen-seksyen 16, 18 hingga 22 dari Akta Perlindungan Wanita dan Gadis, 1973 tidak dipinda untuk mengenakan hukuman minima dan menambah hukuman maksima. Saya menggesa Kerajaan supaya mengkaji semula seksyen-seksyen ini.

Saya juga mengalu-alukan pindaan ke atas seksyen 406 Kanun Keseksaan. Baru-baru ini terdapat banyak kes di mana wang koperasi, bank dan syarikat-syarikat kewangan disalahgunakan. Kebanyakan daripada Pengarah dan pegawai-pegawainya sama ada telah menggelapkan atau menyalahgunakan wang tersebut, ekonomi negara kita telah diancam oleh tindakan Pengarah-pengarah serupa ini. Jika ia tidak dikawal, mungkin nilai Ringgit akan menurun lagi. Saya menggesa Kerajaan supaya menyiasat secara mendalam aktiviti-aktiviti semua koperasi dan bank yang sedang berada di bawah penyiasatan Bank Negara. Penjenayah harus dihukum tanpa mengira kedudukan jawatannya. Saya juga menggesa Kerajaan supaya meningkatkan serta memperluaskan Bahagian Penyiasatan Komersial.

Dengan ini saya sekali lagi ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Siti Zaharah Sulaiman kerana membawa perubahan terhadap undang-undang rogol dan ingin juga menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Kanun Keseksaan (N.M.B. Bab 45). Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Puan Law Jack Yoon.

5.06 ptg.

**Puan Law Jack Yoon:** Tuan Yang di-Pertua, saya berasa sungguh bangga kerana dibenarkan mengambil bahagian dalam perbahasan Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) 1989.

Sebahagian Akta itu yang mengenai kaum wanita yang selalu dianiaya dan dirogol sangat menarik perhatian saya. Oleh kerana itu, saya sebagai wakil kaum wanita akan memberi pendapat saya yang saya fikir sedikit sama dengan pendapat kebanyakan kaum wanita di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan pertambahan kes-kes rogol yang disiarkan dalam akhbar-akhbar tempatan dalam tempoh 3-4 tahun kebelakangan ini, saya menyokong tindakan Kerajaan yang bertujuan untuk menyekat kejadian-kejadian yang mencabul kehormatan kaum wanita dan kanak-kanak di bawah umur 16 tahun. Menurut satu perangkaan rasmi berkenaan kes-kes rogol bagi tahun 1980-1988, terdapat 348 kes rogol pada tahun 1980 dan bilangan ini meningkat kepada 615 kes rogol pada tahun 1988. Kes-kes rogol telah bertambah hampir dua kali ganda dalam tempoh 10 tahun itu. Tetapi pada pendapat saya ada kemungkinan besar kes-kes rogol telah bertambah tiga kali ganda kerana ramai mangsa rogol tidak dilaporkan kerana mereka malu melaporkan kejadian itu kepada pihak Polis. Kaum wanita dalam masyarakat kita, sama ada masyarakat Melayu, Cina atau India masih takut bahawa mereka akan dihina atau diketawakan ataupun tidak dapat dijodohkan sekiranya orang ramai tahu bahawa mereka atau anak perempuan mereka telah dirogol.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin bukan saya sahaja dan kaum wanita yang lain di Malaysia yang berasa gembira tetapi kaum lelaki yang adalah bapa dan abang juga bersyukur kerana Akta Kanun Keseksan (Pindaan) 1989 yang menjatuhkan hukuman yang lebih berat ke atas orang-orang yang merogol akan dikuatkuasakan.



Sejak 15 tahun dahulu parti politik seperti Wanita UMNO, Wanita MCA dan Wanita MIC, organisasi-organisasi, sukarela dan individu-individu yang terkenal telah menghebahkan isu-isu rogol melalui forum, massa media dan temuramah, rayuan untuk hukuman yang lebih berat daripada hukuman yang sedia ada. Sekarang ia itu adalah salah satu usaha oleh mereka untuk membanteraskan jenayah. Hukuman, dengan izin, mandatory lima tahun ke atas kesalahan rogol kena pada masanya kerana ketika ini jenayah-jenayah rogol melibatkan perabunuhan mangsa-mangsa seperti kanak-kanak dengan cara yang kejam.

Tuan Yang di-Pertua, apakah telah terjadi kepada masyarakat kita yang kian suka mendapat pemuasan nafsu, apakah nilai-nilai moral yang suci dikorbankan atas nama kemajuan dalam pendidikan sains dan teknologi, pengkajian agama dan lain-lain falsafah pada zaman moden ini, tentu tidak. Oleh sebab itu, kita mesti mencari beberapa jalan membasmi sama sekali jenayah rogol dalam masyarakat kita.

Tuan Yang di-Pertua, pada zaman 50 tahun yang lepas seseorang Islam dalam masyarakat berasa sangat gembira jika dia mendapat senyuman yang manis daripada gadis yang dia minati tetapi pada zaman sekarang, senyuman sahaja tidak memberi kepuasan hati kepada seseorang lelaki, ramai orang sekarang mencari aktiviti yang paling hebat untuk menyeronokkan diri. Mereka mahu mencuba naik, dengan izin, roller-coaster, yang bergerak selancar kilat dan lain-lain

cara yang boleh menimbulkan ketakutan yang amat kuat, demikian juga dengan orang-orang yang hendak memuaskan nafsunya, sebelum mereka merogol mereka menggunakan kekerasan yang sangat, kejam kepada mangsanya, saya rasa orang seperti itu bukan manusia dan juga tidak layak dibanding dengan binatang kerana binatang tidak menyiksa binatang yang lain sebelum atau selepas dapat persetujuan. Binatang-binatang tidak melakukan persetujuan dengan binatang-binatang yang enggan untuk memuaskan nafsunya.

Tuan Yang di-Pertua, masalah merogol anak kandung atau anak tiri ataupun adik perempuan kandung akan mengancam asas masyarakat kita. Peranan seorang bapa atau penjaga ialah raemberi perlindungan kepada anaknya atau anak jagaannya supaya mereka boleh hidup dengan gembira dan sentosa tetapi bapa itu atau penjaga itu menyalahgunakan tanggungjawabnya dengan melakukan sebagai seekor binatang yang tidak mempunyai sifat perikemanusiaan. Tidak hairanlah mengapa organisasi-organisasi wanita menganggap jenayah rogol anak atau anak jagaan dan kanak-kanak di bawah umur enam belah tahun satu perbuatan binatang. Jika kita tidak menentang dan mcnghancurkan jenayah sebagai itu maka masyarakat-kita sendiri akan dihancurkan. Hukuman untuk orang-orang yang sepatutnya memberi contoh yang baik kepada manusia rogol mesti dinaikkan bagi melakukan kesalahan merogol. Dengan adanya undang-undang yang lebih tegas maka harapan kita orang-orang yang hendak merogol anak kandung atau anak jagaannya akan berfikir lebih mendalam tentang kesan serta akibatnya jika mereka merogol.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang yang ketat bertindak sebagai amaran kepada mereka yang akan mungkin merogol dan sebagai hukuman

dan denda kepada yang telah merogol tetapi pada pandangan saya satu cara yang berkesan untuk membanteras masalah sosial itu iaitu rogol adalah dengan memerangi puncanya. Kebanyakan mereka yang melakukan perbuatan jenayah itu adalah anak-anak yang bermasalah dari masa kecil. Dalam soalan ini ibu bapa hendaklah mendidik anak-anak mereka tentang sikap bersih dalam mental dan amalan, kasih sayang dan belas kasihan kepada semua makhluk. Orang yang merogol tidak jatuh dari langit, dia adalah anak kita juga.

Selain daripada itu, pendidik-pendidik di sekolah jangan sekali mengabaikan nilai moral serta nilai murni dalam semua matapelajaran. Penjagaan di sekolah-sekolah mesti memupuk penerapan nilai-nilai moral. Sekolah adalah sebuah institusi untuk mendapat maklumat atau fakta untuk lulus dalam peperiksaan dan lebih penting ialah satu tempat yang ideal untuk menanamkan sifat-sifat kemanusiaan melalui semua matapelajaran. Jika seorang pelajar mendapat keputusan yang baik tetapi mempunyai jiwa yang kosong, keadaan seperti itu adalah amat menghampakan.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan boleh menggunakan televisyen sebagai alat untuk mengajar rakyatnya khasnya kanak-kanak tentang nilai-nilai moral yang murni oleh kerana penonton TV adalah kegemaran untuk ramai orang, pengaruhnya sangat luas dan berkesan. Pihak Kerajaan dan pihak swasta yang menjalankan program-program TV Malaysia harus berganding bahu membanteraskan jenayah rogol dengan hanya menayangkan gambar-gambar yang memberi pengaruh yang baik, mereka mesti mengelakkan menayangkan adegan yang boleh menaikkan nafsu. Saya syorkan pihak berkuasa menggunakan televisyen dengan sebaik-baiknya demi kesejahteraan rakyat kita. Kita tidak begitu

susah untuk membeli buku-buku, majalah atau video yang ada unsur-unsur nilai buruk yang mempengaruhi pembacanya atau menontonnya melakukan kesalahan rogol. Jualan bahan seperti itu mesti diharamkan dan dikawal dengan rapi oleh pihak yang berkuasa. Di sini saya hendak menegaskan bahawa undang-undang di negara kita tidak membenarkan sesiapa menonton, dengan izin, blue film di rumah. Menonton, dengan izin, blue film ada pengaruh yang buruk kepada seseorang penonton khususnya kanak-kanak, Kerajaan mesti mengetatkan undang-undang mengenai tayangan, dengan izin, blue film.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan harus menyediakan dan mempelbagaikan kegiatan-kegiatan yang sihat untuk pemuda-pemudi. Kita di luar bandar dan di bandar juga supaya mereka ada tempat yang sesuai untuk melepaskan perasaan mereka. Kita harap Kerajaan boleh membina lebih banyak kelab dan lain-lain tempat rekreasi untuk pemuda-pemudi kita. Sekarang kita ada banyak kelab-kelab dan tempat rekreasi untuk golongan yang kaya sahaja. Marilah kita sama ibu-bapa, guru-guru, organisasi-organisasi, agama dan Kerajaan bekerjasama dengan bersungguh-sungguh untuk menjamin anak-anak kita tidak terlibat dalam hukuman, dengan izin, mandatory itu.

Tuan Yang di-Pertua, seorang mangsa rogol akan mengalami kekecewaan, ketakutan yang serius dan dengan izin depression, setelah dirogol. Mereka tidak boleh mengikis pengamalan yang dahsyat itu selama mereka hidup. Kadang-kadang mereka akan menderita dan runsing sehingga mereka mazi.

Tuan Yang di-Pertua, maka dengan akibat yang buruk itu yang dialami oleh semua mangsa rogol dan untuk menyelamatkan orang-orang yang lain, saya tidak ada pilihan yang lain selain daripada memberi sokongan yang penuh kepada Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) 1989. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Datuk Haji Nasir bin Haji Manap.

5.23 ptg.

**Datuk Haji Nasir bin Haji Manap:** Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di sini juga untuk mengambil bahagian bagi membahaskan suatu Akta yang dinamakan Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) 1989. Setelah membaca agak keseluruhannya, saya boleh ambil kesimpulan yang

ditekankan di dalam masalah rogol dan juga di dalam masalah hukuman-hukuman yang ada kaitannya dengan curian, juga hukuman-hukuman yang menjual alat-alat atau benda-benda yang ada kaitannya dengan lucah dan sebagainya.

Di dalam masalah ini, sebelum saya menekankan berhubung dengan kedudukan, kenaikan hukuman penjara bagi jualan buku lucah dan sebagainya, sebagaimana tertakluk dalam Seksyen 292, saya suka menarik perhatian di dalam Dewan ini, apabila kita, menyebut rogol seolah-olah lelaki yang bersalah dan menghilangkan kesalahan wanita. Ini agak suatu perkara yang mengelirukan kita kerana pada hemat saya, tidaklah kita boleh keseluruhan menekankan kerogolan itu dikenakan kepada pihak lelaki sahaja tetapi dilepaskan kepada pihak perempuan. Di dalam hal ini saya suka menarik perhatian di dalam pembicaraan, di Mahkamah Syariah. Apabila sesuatu kes ataupun perkara yang ada kaitannya dengan melakukan persetubuhan, hukuman itu kita tidak meletakkan kesalahan bulat-bulat kepada lelaki. Perlu juga diambil perhatian kesalahan itu diletakkan juga kepada perempuan.

Di dalam mahkamah, biasa bila kita sebut dalam melakukan kesalahan ini, maksudnya melakukan persetubuhan, terus kesalahan itu ditekankan kepada lelaki. Ini sangat menghairankan dan harus kita mengambil sesuatu kajian yang teliti, adakah ini benar kita menyalahkan 100% kepada lelaki atau benar-benar kita menyalahkan 100% kepada perempuan atau benar-benar kesalahan ini kita letakkan kepada lelaki dan perempuan. Ini kita harus buat kajian. Dalam hal ini, saya bukanlah ertinya hendak menolak masalah ini dan melepaskan kepada pihak lelaki, tetapi mesti meletakkan satu garis panduan yang tertentu supaya tidak meletakkan bulat-bulat kesalahan itu kepada lelaki. Sebagai contoh, katalah kita mendapati sesuatu kesalahan

yang dilakukan ada kaitannya dengan persetubuhan dan apabila didapati melakukan kesalahan itu menampakkan wanita itu sama ada mereka berumur beberapa tahun calar di badannya, luka di badannya, koyak bajunya, koyak kainnya. Ini saya tidak membuat sesuatu kesimpulan ataupun saya boleh menekankan ini adalah kesalahan lelaki. Maka dalam tafsiran ini kita bolehlah meletakkan kesalahan itu bulat-bulat kepada lelaki yang bermaksud apa yang saya katakan apabila kita mendapati masalah rogol ini ataupun masalah melakukan persetubuhan ini yang betul-betul meletakkan kesalahan itu di dalam keadaan paksaan yang membawa kepada benda-benda yang saya jelaskan tadi yang ada kaitannya calar, luka, koyak baju, koyak seluar dalam dan sebagainya.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, kalau sesuatu kesalahan yang kita dapati di dalam masalah melakukan persetubuhan, apabila dibawa ke mahkamah dan telah disiasat, apabila disiasat ditanya, berapa lama kenalan di antara berdua? Katalah tiga tahun. Berapa lama sudah melakukan persetubuhan? Sudah enam kali. Kali yang pertama di mana? Di sini. Kali yang kedua di mana? Di situ. Apabila sudah kita dapat mengenalpasti kesalahan yang dilakukan dalam kaedah persetubuhan ini yang ada mirip-mirip kerelaan kepada wanita dan apabila ada kemiripan kepada wanita kita yakin juga ada kemiripan kepada lelaki yang menekankan sudah beberapa kali, mungkin beratus kali, mungkin berpuluh kali, mungkin sudah mengandung dan sebagainya, adakah ini kita harus meletakkan satu kesalahan yang bermakna bentuk perkataan rogol menentukan kesalahan kepada lelaki.

Saya tidak bersetuju di dalam perkara ini, kalau kita meletakkan hukuman itu bulat-bulat 100% kepada lelaki. Kalau itulah bentuknya, saya merasa kesalahan itu perlu dikenakan juga kepada perempuan ataupun wanita, barulah ada cara penghukuman itu diletak kepada pihak yang bersalah atau pihak yang melakukan kesalahan dan sebagainya.

Dengan sebab itu dalam masalah rogol perkataan 'rogol' ini perlu diadakan garispanduan dan beberapa kategori sama ada dalam istilah rogol ini bagaimana bentuk rogolnya. Di dalam masalah persetubuhan bagaimana bentuk persetubuhan, bagaimana kaedah-kaedah yang kita gunakan perkataan itu. Kita tidak boleh membuat auatu kesimpulan perkataan yang begitu longgar, suatu kesimpulan yang begitu senang yang menyalahkan kepada satu pihak.

Tuan Yang di-Pertua, saya bukan ertinya hendak membela lelaki ataupun membela wanita, tidak. Ertinya kita mesti meletakkan hukuman itu yang sesuai dari segi kesalahan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada **itu**, barangkali ada juga wanita-wanita yang agak telah kecewa daripada janji-janji semasa mereka bersuka-suka, semasa mereka di dalam kegembiraan pada masa-masa yang lalu. Mungkin di dalam suatu keadaan masa yang lalu mereka telah berjanji untuk bernikah. Kita tidak tahu barangkali apa sebabnya boleh gagal perjanjian di antara mereka berdua dan boleh melakukan beberapa kali persetubuhan. Tetapi mungkin dengan pandainya wanita ini memasang perangkap kepada lelaki dengan diberitahu kepada pihak-pihak yang tertentu, misalannya, "aku sekian masa ada di sini, sekian masa ada di sana, awak pergi serbu dan sebagainya." Ini juga kita harus buat kajian adakah ini juga kita mengatakan kesalahan bulat-bulat, 100% kepada lelaki. Kalau dalam hemah ini ertinya sebelum kita meletakkan sesuatu hukuman rogol kepada laki-laki kita juga harus membuat kajian adakah ini benar-benar ditekankan kesalahan kepada laki-laki sahaja dan



dilepaskan kepada wanita. Apabila dibuat tangkapan, tangkapan itu katalah misalannya benar, telah melakukan persetubuhan, dibawa ke hospital dan sebagainya dan dikaji benar. Tetapi apabila diteliti bukanlah ini kali yang pertama bahkan ini kali yang ke 31. Adakah ini kita mengatakan kesalahan bulat-bulat yang diberikan kepada laki-laki dan kita lepaskan pihak perempuan. Saya rasa perbuatan seperti ini memang tidak adil. Saya tidak menghalang hukuman tetapi saya bercakap di sini adalah menekankan hukuman itu meetilah eutu hukuman yang adil. Kalau kesalahannya begitu, saya menekankan ini adalah suatu kesalahan melakukan persetubuhan. Apabila kita katakan melakukan persetubuhan, banyak hukuman-hukuman yang kita boleh buat sama ada hendak hukum rotan, sama ada hendak hukum penjara, itu terpulanglah kepada kita hendak membentuk sesuatu hukuman yang sesuai kepada kesalahan-kesalahan yang begitu.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuma menekankan buat kajian benar-benar supaya kesalahan itu tidak ditekankan kepada pihak laki-laki sahaja. Selain daripada itu barangkali ada di antaranya yang melakukan persetubuhan itu dalam bentuk mungkin di dalam satu bilik yang mana ada empat, lima atau tiga orang. Dan mereka menerima, ketiga-tiga juga menerima dan ini juga adakah kita hendak mengatakan orang itu merogol pada hal ketiga-tiga wanita ada bersama di dalam bilik itu. Saya kalau bentuk begitu perlu wanita itu dilebihkan hukuman daripada lelaki. Itu yang wajar sekali. Tidak mahulah kita menekankan laki-laki sahaja yang bersalah, seolah-olah apabila berlaku sesuatu persetubuhan itu, laki-lakilah yang

bersalah. Dengan sebab itu maka banyaklah berlaku kes persetubuhan dan kes rogol ini dari masa ke semasa. Dengan ini saya berharap kepada pihak Kementerian berkenaan perlu dibuat kajian benar-benar apakah itu rogol. Kalau kita hendak meletakkan benar-benar itu rogol mestilah meletakkan kesalahan siapa. Kalau kesalahan terdiri daripada laki-laki seperti yang saya sebutkan tadi, koyak baju dan sebagainya itu saya akur. Tetapi di dalam keseronokan mengapa dua orang yang naik perahu, dua-dua perahu karam, seorang basah tetapi seorang bajunya kering. Itu tidak adil.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu di dalam masalah berhubung dengan menaikkan hukuman-hukuman seperti menjual buku lucah, hukumannya daripada 3 bulan kepada 3 tahun ataupun benda-benda lucah yang ada kaitannya dengan orang muda dan sebagainya, hukuman daripada 6 bulan kepada 5 tahun. Ini barangkali menaikkan hukuman kadang-kadang orang yang melakukan kesalahan itu mereka tidak tahu ini hukuman. Mereka tidak tahu sama ada 5 tahun, sama ada 3 tahun, barangkali, kita juga di aini tidak begitu pasti-ini kesalahannya, ini hukumannya. Ertinya kita tidak tahu dengan sedetailnya kesalahan-kesalahan itu yang meletakkan sesuatu kesalahan yang kita agak menaikkan daripada hukuman bulan kepada tahun dan sebagainya.

Dalam hal ini kita mesti juga menjaga supaya tidak timbul masalah menjual barang-barang lucah dan sebagainya ataupun berhubung dengan menggunakan kekerasan untuk mencabul kehormatan, misalannya 2 tahun hingga 10 tahun. Perlu juga kita mengadakan suatu hukuman yang mandatori misalannya sebat tidak kurang daripada 6 rotan.

Ini juga barangkali suatu yang memberi kesedaran ataupun memberi ketakutan kepada orang-orang yang akan melakukan kesalahan-kesalahan itu.

Dalam hal ini maka kita juga menekankan di dalam masalah untuk mengelakkan yang ada kaitannya dengan penjualan-penjualan dan mencuri harta dan sebagainya. Misalannya yang tercatat di dalam seksyen 414 daripada 3 tahun kepada 5 tahun. Ini agak suatu usaha yang baik bagi mengurangkan jenayah-jenayah yang saya jelaskan tadi. Walau macam manapun, perkara yang penting sekali kita mesti menjaga supaya jenayah-jenayah itu tidak berlaku dan di sini saya menekankan di dalam masalah hal kecurian.

Di dalam masalah hal kecurian ini, perlu kita juga ambil perhatian selain daripada orang yang mencuri, orang yang membeli barang-barang curi juga perlu dikenakan hukuman dan kita mesti meletakkan suatu undang-undang, kalau seseorang yang membeli sesuatu barang curi yang didapati sah, maka untuk mengelakkan supaya orang yang menjual barang curi itu kepada orang lain ada kemungkinan orang yang membeli itu agak memang tahu barang itu barang curi. Barangkali orang yang biasa di dalam hal ini mereka tahu bahawa orang itu tidak kerja apa-apa dan sebagainya. Dia bawa barang hendak jual. Katalah harga barang itu dengan nilai \$100, tetapi dijual dengan harga \$20. Dengan keadaan yang demikian kita boleh menyakinkan barang itu barang curi.

Di dalam hal ini kita juga mengenakan kepada orang-orang atau sesiapa yang membeli barang-barang mesti ada auatu keterangan belian

daripada sesiapa. Dan barangkali kalau kita hendak menekankan sama ada membeli alat-alat kelengkapan misalan televisyen, radio dan sebagainya dan kita tidak beli di kedai-kedai, kalau orang hendak membeli sekurang-kurangnya kita ambil atau minta Kad Pengenalan orang yang menjual dan kita rekodkan di mana kita beli, itu agak suatu cara yang mengelakkan supaya barang-barang itu atau barang-barang yang dicuri tidak begitu mudah dijual kepada orang-orang yang tertentu.

Ini satu cara yang boleh mengurangkan orang-orang yang hendak mencuri dan boleh menjualkan barang-barang itu. Dengan secara tidak langsung kita berkehendakkan sesiapa sahaja yang membeli barang-barang tertentu misalnya, mestilah ada surat pengakuan atau penandaan yang barang itu dibeli daripada seseorang yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, berhubung dengan kes pencurian ini kerana banyak cara mencuri, satu cara curi dengan penipuan, satu cara curi barang-barang dengan terang, pecah rumah dan sebagainya. Dan barangkali sekarang di dalam kawasan-kawasan yang tertentu ada anggota-anggota Polis dan sebagainya, maka haruslah kita mengambil kajian sungguh-sungguh bagi kependudukan di dalam sesuatu kawasan dan menentukan penduduk-penduduk di situ apa pekerjaannya. Ini agak mustahak dan boleh dilakukan oleh pihak Polis yang kadangkala diletakkan di bandar-bandar ataupun di kampung-kampung dan sebagainya.

Kalau kita tahu seseorang itu dengan berkereta besar, ada rumah begitu bagus dan kita tahu mereka bukanlah dari golongan orang yang kaya, itu kita harus mengambil perhatian dan kaji supaya kita dapat menentukan mereka itu hidup di dalam keadaan satu kumpulan untuk mendapatkan harta curi ataupun di dalam pekerjaan mereka sendiri. Kalau ini kita boleh membuat kaji pasti di dalam hal penentuaa hidup bagi seseorang, maka aaya merasakan kecurian itu boleh dikurangkan dari semasa ke semasa kerana kita mendapati orang yang biasa mencuri, bukan menipu-menipu lain cerita orang yang biasa mencuri barang-barang, harta dan sebagainya adalah terdiri daripada

orang-orang yang tidak ada pekerjaan,

Jadi, benda ini kalau kita dapat laksanakan dari masa ke semasa akan boleh mengurangkan hal kecurian harta benda bagi masyarakat di dalam sesuatu tempat.

Tuan Yang di-Pertua, tadi ada rakan saya menjelaskan dalam masalah filem lucah dan sebagainya. Ada setengah-setengahnya kita mengetahui jenis-jenis bentuk video dan sebagainya yang begitu mudah, yang begitu senang dibeli oleh masyarakat umum, katanya 'blue film'. Ini juga harus kita mengambil perhatian yang sungguh-sungguh di dalam masalah jualan video jenis ini kerana apa yang kita ketahui, setengah-setengah rakan-rakan atau sebagaiaya, kadang-kadang ada di antaranya di tempat-tempat seperti maktab-maktab tertentu ataupun ada orang-orang di tempat-tempat belajar yang mereka masih muda remaja lagi telah ada tempat-tempat tayangan video lucah yang begitu mudah dilihat dan kadang-kadang diberi pinjaman video-video yang berbentuk begini.

Kalau ini kita bebaskan, kita tidak mengambil tindakan yang sewajarnya, kepada pengagihan filem-filem berbentuk seperti itu, berkemungkinan sama ada lelaki ataupun wanita-wanita yang telah menengok video yang berbentuk sebegini, agak mereka teringin juga untuk membuat sesuatu seperti di dalam bentuk itu.

Untuk menghalang perkara ini ditayangkan, berleluasa dan menghalang sama ada wanita-wanita ataupun pemuda-pemuda, pengagihan video ini perlu dibuat penelitian yang khusus supaya bentuk video yang mencemarkan kesopanan masyarakat di dalam negara kita ini dapat dihindarkan dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat itulah sahaja yang dapat saya jelaskan di dalam membincangkan Rang Undang-undang ini dan saya menyokong Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) 1989 ini. Sekianlah, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah.

5.47 ptg,

**Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun kerana hendak bersama-sama dengan saudara-saudara saya, Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang mana telah menyokong Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) 1989 ini.

Sebelum daripada saya membahaskan berkenaan dengan Kanun Keseksaan (Pindaan) 1989 ini, saya terlebih dahulu ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Kerajaan, terutama sekali Kementerian yang berkenaan yang mana telah mengadakan Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) ini yang menunjukkan kepada kita, Tuan Yang di-Pertua, bahawasanya Kerajaan kita adalah sebuah Kerajaan yang sungguh-sungguh berhasrat mencari jalan demi untuk menyelamatkan seluruh rakyat jelata yang berada ddalam negara Malaysia yaag dikasihi ini. Jadi, dengan sebab itulah walaupun ada undang-undang yang kita akan timbang dan akan sokong ini tidak sampai kepada sebenar-benar matlamat tetapi undang-undang ini adalah memperlihatkan kepada kita sekalian bahawasanya Kerajaan kita sungguh-sungguh hendak membanteras segala perkara yang mungkar yang berlaku di kalangan rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, saya masuk di dalam masalah Fasal 5 bertujuan meminda seksyen 312 Kanun untuk memperluaskan kecualian yang seseorang pengamal perubatan berdaftar boleh menamatkan sesuatu kehamilan. Dengan pindaan ini seseorang pengamal perubatan berdaftar boleh menamatkan satu kehamilan bukan hanya bagi maksud menyelamatkan nyawa tetapi juga dalam hal-hal di mana penerusan kehamilan itu akan melibatkan kecederaan kepada kesihatan fizikal ataupun mental perempuan yang hamil itu, yang lebih daripada jika kehamilan itu ditamatkan.



Tuan Yang di-Pertua, mengikut kaedah di dalam Islam undang-undang syariah, saya suka memberi penerangan secara umum terlebih dahulu. Islam adalah satu agama (adin), cara hidup manusia yang membawa kepada keselamatan, keamanan, keselesaan dunia dan akhirat. Islam melarang sama sekali penganut-penganutnya menyakiti ataupun membuat suatu perkara sama ada dengan perkataan atau perbuatan yang menyinggung perasaan saudara mara dan manusia yang lain. Ini dasar Islam.

Jadi, dengan sebab itulah dasar Islam ini di mana sahaja, di tempat mana, di negara mana, di waktu mana sehingga qiamat adalah sesuai. Tidak boleh ditolak walaupun orang yang tidak beragama Islam kalau mereka mendalami, mereka tidak boleh menolak cara dan dasar Islam. Contoh, Tuan Yang di-Pertua. Saya cuba mengeluarkan sepotong hadis Rasulullah s.a.w. yang maksudnya, "Kasih sayanglah kamu akan mereka yang berada di muka bumi." Mereka - ertinya manusia, tidak kecuali apa bangsa, tidak kecuali apa agama, kamu mesti kasih sayang. Kalau begitulah sikap kamu wahai umat-umatku kata Rasulullah maka kasih sayanglah akan kamu oleh mereka yang ada di langit yakni daripada malaikat-malaikat dan Allah s.w.t. sendiri akan kasih sayang kepada orang ini. Sikap ini yang disuruh oleh Islam. Sikap, perasaan orang itu adalah kita. Sebab itulah

hakikat. Hakikat insan, hakikat manusia. Semua manusia ini adalah keluarga daripada Adam dan Hawa, tidak kecuali apa bangsa, tidak kecuali apa agama adalah bapanya sama dan ibunya sama Adam dan Hawa. Dengan sebab itulah berkewajipan di antara manusia mesti berbaik-  
baik dan berperasaan, kamu adalah aku dan aku adalah kamu. Itu jiwa yang dikehendaki oleh Islam.

Oleh hal yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, mengikut kaedah hukum Islam yang dibuat oleh ahli-ahli qawaf al-fiqiah. "Izza-dhoko-itha-ka-aa" apabila sempit, luas. Ini dasar Islam. Macam mana, Tuan Yang di-Pertua? Keringanan yang diberi oleh Islam ada mempunyai lima.

Pertama yang mesti dilakukan. Kalau istilah syarak dia panggil "wajib", Mesti manusia laku. Macam mana? Seperti memakan bangkai bagi orang yang dalam keadaan darurat kebuluran. Ertinya kalau kita tidak makan bangkai, makanan lain tidak ada; kalau kita tidak makan bangkai ini maka kita mati. Atau meninggalkan puasa bagi orang yang takut nyawanya terancam lantaran terlalu lapar dan dahaga. Di waktu itu maka wajib dia mesti kena makan. Sama saudara. Sudah terang kepada Kita kalau dibiarkan anak di dalam kandungan ibu mengikut pendapat doktor pakar yang boleh dipercayai iaitu disyaratkan di dalam Islam mesti orang beriman, seorang pakar yang mengatakan kalaulah dibiarkan anak ini dalam keadaan hamil tidak ditamatkan hidupnya maka mati ibu. Maka di waktu itu boleh kita menamatkan kehamilan itu demi kepentingan hendak menjagakan ibu. Ini termasuk di dalam kaedah satu lagi dia kata yang maksudnya, "Apabila kemudahan yang lebih berat tidak dapat dihindarkan atau dihilangkan

kecuali dengan menanggung kemudharatan yang lebih ringan, maka ditanggung kemudharatan yang lebih ringan untuk menolak atau menghindarkan kemudharatan yang lebih berat," Ini kaedahnya. Kedua, kalau sekiranya mengekalkan hamil ini membawa kepada keburukan fizikal ibu ataupun mental, akal fikiran ibu macam mana? Jawabnya boleh kerana kedua-duanya adalah perkara yang penting dalam Islam.

Perkara yang penting dalam Islam yang mesti dipelihara yang dinamakan "Qulya" yang enam, Tuan Yang di-Pertua, (i) Agama, (ii) Nyawa, (iii) Tubuh badan, (iv) Akal, (v) Harta benda, (vi) Nisab. Ini perkara yang mesti dijaga.

Jadi, ertinya akal fikiran kalau sekiranya dibiarkan hamil itu berada membawa kepada kecederaan otak ibu mengikut doktor pakar yang boleh dipercayai, maka di waktu itu boleh menamatkan hamil anak itu. itu mengikut Qulya enam ini. Ini hak yang wajib.

Yang kedua, yang sunat, Tuan Yang di-Pertua, dilakukan. Perkara yang baik dilaku daripada tidak laku seperti memendekkan sembahyang bagi orang yang musafir jauh, yang berasa penat atau sukar, meninggalkan puasa bagi orang yang musafir yang berasa letih dan sukar.

Yang ketiga, yang harus dilakukan seperti jual-beli di tempat salam.

Keempat, lebih utama atau lebih molek ditinggal seperti menyapu ke atas dua khuf - jamak; himpunkan dua sembahyang dan meninggalkan puasa bagi orang yang tidak berasa keberatan akan kemudharatan.

Yang kelima, yang makruh dilakukan seperti qasar bagi orang yang musafir, terkurang dari, 2 marhala yakni lebih kurang daripada 48 batu. Jadi, oleh hal yang demikian, mengikut tafsiran ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokonglah Rang Undang-undang, Fasal 5 Sekayen 312.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, mengikut petua yang telahpun diperturunkan oleh Yusuf Al-Qadaru daripada kitab Al-Halal Wal-Haram iaitu seorang, daripada pensyarah Azhar, seorang mahaguru di Azhar. Mengikut petua dia pun demikiah juga, mengatakan boleh sekiranya perkara ini mudarat kepada ibu, boleh menamatkan akan hamil. Tetapi walau bagaimana pun, Tuan Yang di-Pertua, saya suka memperingatkan dan merayu, memperingati dan merayu kepada Kerajaan, khasnya kepada Kementerian yang bertanggungjawab, jangan menggunakan perkara ini dengan sewenang-wenangnya. Jangan menjatuh, menggugurkan kerana tidak mahu anak ataupun kerana malu sahaja, bukan apa-apa, oleh kerana kita buat jahat, umpamanya tidak ada suami, tiba-tiba kita perut besar. Maka kita malu kepada masyarakat, kita pergi menggugurkan anak. Ini haram mutlak, ini haram iktifak. Iktifak hukumnya bunuh mengikut hukum Islam, orang ini samalah dengan membunuh orang lain yang hidup, hukunmya haram. Haram di atas perempuan itu sendiri, dan haram juga ke atas doktor itu sendiri. Jadi oleh sebab itulah, saya sekali lagi merayu kepada, Kerajaan, semoga setelah diluluskan undang-undang ini supaya mengambil berat dan supaya membenarkan doktor yang khas yang boleh dipercayai, yang amanah, yang sungguh-sungguh mengamalkan dengan hukum yang tidak melibatkan perasaan emosi yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, masalah rogol. Tuan Yang di-Pertua, mengikut kaedah dalam Islam, tidak ada rogol. Islam tidak ada istilah rogol. Tetapi kita buat. Kita orang Melayu, kita guna rogol, tidak apa, istilah kita, tidak salah. Kalau bangsa Melayu kita apabila seorang lelaki memaksa perempuan untuk hendak berzina, diistilahkan dipanggil rogol. Islam tidak ada rogol. Cuma dalam Islam, kalau sekiranya seorang perempuan itu dipaksa oleh seorang lelaki, dengan sebab bahawa dia ditangkap, diberkas begitu begini, pergi buat jahat, kalau suami tuduh hendak bunuh, kesalahannya kerana tidak ada anak lelaki - perempuan tidak salah dari segi hukum Islamnya. Itu kaedah Islam. Nabi kata sudah diangkat akan kolam, ertinya malaikat, Tuhan tidak beri salah atas orang yang kena paksa. Apa jenis kena paksa pun tidak salah dalam Islam. Macam kita di sini, orang mari, kita pergi. Kalau mu tak betul Yang Berhormat ini, aku kerjakan kamu. Umpamanya kita kata. Jadi bererti kalau saya badan dia bererti saya tak salah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Pada microphone, Yang Berhormat. [Ketawa]

**Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah:** Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah ini, kalau lelaki yang membuat demikian, hukumnya di atas lelaki itu sabit kesalahan zina. Kesalahan zina, sebab inilah saya kata pada awal tadi, hukuman kita ini tidak sampai lagi kepada matlamat yang dikehendakki. Tetapi insya Allah, mari sama-sama kita berdoa semoga Allah akan kurniakan taufik dan hidayah kepada pemimpin kita, semoga sedikit masa lagi akan terus menjalankan hukuman syariah. Sesiapa sahaja yang berzina, sabit saksi mengikut peraturan syarak, kalau lelaki yang dara lagi, yang tidak kahwin lagi atau perempuan yang tidak kahwin lagi hukumnya disebat 100 rotan di tengah khalayak yang ramai. Kalau lelaki atau perempuan sudah berkahwin, sudah merasai wati yang halal dalam Islam hukunnya direjam dengan batu sehingga mati kedua-duanya, kalau zina sama-sama hendak. Kalau yang rogol tadi, lelaki

sahaja, perempuan tidak. Kesalahan ini, tetapi syarak mesti buat di tengah khalayak yang ramai, diisytihar sekian haribulan, Kerajaan akan mengadakan rejam, adakan pembunuhan. Semoga dengan sebab hikmat inilah Allah s.w.t. suruh semoga manusia berasa ngeri, berasa takut. Kita sekarang, Tuan Yang di-Pertua, kemungkinan besar kita pun menjalankan undang-undang pembunuhan ini, macam dadah, macam orang bunuh orang, bunuh balas tetapi fasal apa tidak merasa ngeri? Rakyat tidak berasa takut, makin bunuh makin ramai, tidak kena lain, iaitulah kerana kita takut, kita sembunyikan perbuatan kita kepada orang ramai. Jadi, kalau boleh mengikut pendapat sayalah, patut kita memikirkan bagaimana cara supaya rakyat semua mengambil pengajaran daripada tindakan kita itu. Semoga mereka akan tidak lagi mengulangi perbuatan itu. Saya rasa kalau kita buat di tengah ramai, barangkali insya Allah, perkara itu tidak akan menjadi kesal sebab yang kita tengok contoh sebagaimana yang dibuat oleh Kerajaan Arab Saudi umpamanya, ada bukan tidak ada, tetapi dua tiga tahun, satu kes. Jadi, ertinya perkara itu pendirian, iaitu berasa ada.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam masalah tadi, saya suka hubungkan sedikit lagi oleh kerana perkara ini adalah perkara yang besar, masalah penghamilan tadi, saya suka menunjuk contoh satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, iaitu ada tersebut di dalam hadis yang diriwayatkan oleh Abu Dawood daripada Samurah Ibnu Junduk.

Maksud Hadis, perkara yang diriwayatkan oleh Abu Daud daripada Samurah ibnu Junjub bahawa beliau ada mempunyai sebatang pokok tamar yang condong ke dalam kawasan rumah seorang laki-laki Ansar yang mempunyai ahli, lalu Samurah masuk ke dalam kawasan itu untuk mengambil buahnya. Keadaan ini (mengambil buah ini) mengganggu ketenteraman orang Ansar itu, lalu ia (orang Ansar) meminta Samurah memindahkan pokok itu, tetapi beliau (Samurah) enggan (tak mahu). Kemudian laki-laki itu datang kepada Rasulullah s.a.w. untuk mengadu tentang hal ini, lalu Baginda menyuruh Samurah memindahkannya tetapi beliau enggan, Kemudian kata Baginda, hadiahkanlah kepadanya dan kamu akan diberi sekian-sekian benda untuk menggalakkan beliau memindahkan pokok itu. Tetapi beliau (Samurah) masih berkeras tak mahu berpindah. Kemudian sekali lagi Baginda berkata, kamu ini merbahayakan wahai Samurah. Lepas itu Baginda berkata kepada laki-laki Ansar itu, pergilah dan potonglah pokok tamanya. Oleh kerana memandangkan kemudaran kekalnya pokok tamar Samurah lebih berat daripada kemudaran mencabutnya, lalu dipaksa mencabutnya untuk menghilangkan kemudaran yang lebih berat. Jadi hukum ini diilapkan dengan kemudaran. Itu kaedahnya. Jadi dengan sebab itulah, Tuan Yang di-Pertua, masalah Fasal 5 ini adalah mengikut secara Islamnya adalah boleh.

Masalah mencuri dan penipu, inipun adalah satu masalah yang rumit, Tuan, Yang di-Pertua, sebab mencuri, menipu ini ertinya tidak dinamakan mencuri melainkan ertinya dia buat perkara yang tersembunyi, itu mencuri, Mencuri ini ertinya dia ambil benda yang tuan tak tahu, sama juga menipu. Menipu pun dia kira orang tidak

tahu. Ini dikatakan masalah mencuri dan masalah menipu.

Masalah ini mengikut pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat kita hendak menghapus perkara ini kecuali mereka yang beriman kepada Allah s.w.t. Ertinya seorang manusia yang dia yakin tiap-tiap gerak-geri dia di mana sahaja dia berada, apa sahaja benda yang dia buat, nescaya Tuhan tengok dia, dengar dia, tahu apa yang dia buat. Sebab itu Tuhan sudah kata kalau kamu seorang yang keduanya Aku, kalau kamu dua orang yang ketiganya Aku, kalau kamu empat orang yang kelimanya Aku. Ertinya Tuhan tidak selindung daripada apa yang kita buat. Jadi kalaulah sifat ini ada kepada seseorang kemungkinan besar perkara ini dapatlah kita cegahkah tetapi walau bagaimanapun, kalau setakat lima tahun, sepuluh tahun dengan duit 20 juta ini, banyak orang hendak, ini hak yang baru berlaku. Kalau tidak kerana iman sudah jel sepuluh tahun. Kalau dia buat kerja bertungkus-lumua 24 jam pun \$20 juta berpuluh tahun pun tak boleh, tak dapat wang itu. Umpama kita katakanlah macam Bank Negara \$22.2 juta baru-baru ini, pada hal orang ini kita jel 10 tahun. Kalau dia buat kerja 10 tahun 24 jam tak tidur malam dan siang mungkin dia tak dapat keuntungan \$20 juta itu, payah \$20 juta ini banyak. Tetapi ini cuma kita ikat dia buat kerja 10 tahun, senyum dia. Sekarang ini kita tengok berapa orang Melayu, orang Cina. Jadi sekarang sudah jadi stail, manusia sudah jadi. cara mana aku hendak cari duit, mereka berniaga. Orang ini berniaga, orang ini makan gaji, akulah hendak buat, aku hendak cari cara cerdik aku, hendak masuk akaun, ini sudah jadi.

Jadi oleh hal yang demikian, selain daripada keimanan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mengesyor kalau boleh, kalau si penipu itu ada



harta kita mesti rampas, ambil semua harta sebanyak mana hak yang dia curi hak kita, sebagaimana kita buat rampasan hak dadah, sebab ikut hukum Islam pun boleh, dia curi hak harta Bank Negara, berapa orang dia itu, kongsi harta sebanyak mana, nilai harta dia itu kita rampas seluruh harta dia, tak boleh semua pun, boleh separuh-separuh, sepatut je pula boleh 15 tahun, dia berilah. Kalau 5 tahun, 10 tahun, fesyen stail dialah, cara orang cerdik cari pitih (duit), cara inilah.

Jadi dengan sebab itulah, walau bagaimanapun, sebagaimana saya telah kata pada awal tadi saya banyak terima kasih kepada pihak Kerajaan yang mana telahpun menaikkan makin setahun ke setahun, makin setahun ke setahun untuk hendak memolekkan benda ini. Peraturan dia sudah tak boleh hendak buat sekaligus tak boleh. Kaedah dalam Islam pun macam itu, kita tengok Allah ta'ala hendak mengharamkan arak itu berapa kali turun ayat Quran, cara mana paksa sedikit-sedikit, ikut peraturan sudahlah. Allah ta'ala turunkan Quran 23 tahun, ini hikmat, jadi kita pun sedikit-sedikitlah. Jadi demi sedikit-sedikit insya Allah, marilah kita berdoa semoga insya Allah kita sama-sama sampai kepada matlamat sebab kita mesti sedar, Tuan Yang di-Pertua, kerajaan kita, kita sendiri sebagai orang yang bertanggungjawab kepada negara, orang yang diamanah oleh Kerajaan kepada kita untuk melulus segala kewangan, segala peruntukan, segala undang-undang, kitalah lapisan yang akhir. Tidak ada tujuan dan hikmat yang lain kecuali semata-mata kerana hendak memolekkan rakyat, hendak menyenangkan rakyat, hendak menyelamatkan rakyat, itu sahaja, tak kira apa bangsa, tak kira apa warna kulit, tak kira apa agama, tiap-tiap warganegara yang berada di Malaysia ini kalau boleh mahu hidup dia tenteram, selamat, selesa, senang, kaya, ini matlamat

kita, sebab inilah.

Jadi oleh hal yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya sukalah menyeru kepada saudara-saudara saya terutama daripada Ahli-ahli Dewan Negara marilah sama-sama kita berasa bertanggungjawab marilah bersama-sama kita berasa kita ini adalah satu tujuan sahaja, jangan lagi ada dalam hati kita perasaan curiga-mencuriga, orang ini kata orang ini begini, orang Melayu kata orang tidak Melayu, orang itu kata hak ini, kalau selagi ada semangat itu selama itulah kita tidak menjadi aman. Walaupun kita balas, hendak pergi mana kita **ini**. Kalau terkecillah kita kata di antara keluarga kita yang besar nombor satu Melayu, nombor dua kita kata MCA, nombor tiganya MIC, kenalah kita pakat **tiga ini**, lepas berbalah kita hendak hidup di mana. Kalau kita bertiga ini berbalah, bergomol, sudah kita bergomol hendak hidup di mana, duduk sini juga, apa hal kita berbalah ini. Kalau boleh berbalah memberi aku boleh naik, tak apalah macam itu, sebab kita sudah taat setia, bersumpah kita akan mati di Malaysia, warganegara Malaysia. Jadi apa lagi kita berasa curiga, begitu, begini. Apa sahaja perkara yang difikir oleh pemimpin kita yang dia buat, kita mesti kena taat, 'ya' molek.

Kalau kita rasa tidak setuju, kita tegur dengan cara membina. Kita masing-masing ada tempat boleh menegur, selain daripada Dewan ini kita ada Dewan khusus, UMNO ada Dewan suku, MCA ada Dewan suku, MIC ada Dewan suku, Gerakan ada Dewan suku, di dalamnya apapun kita boleh tegur, masing-masing boleh bercakap. Aku tidak setuju lagu ini. Saya tidak setuju laguni, saya tidak setuju lagu ini. Berbalah apa lagi, kalau berbalah tidak sudah, benda tidak sudah. Jadi, dengan sebab itulah saya berterima kasihlah kepada Tuan Yang di-Pertua yang mana telahpun membenarkan kepada saya bercakap pada petang ini. Jadi, semoga dengan percakapan saya ini, saya berharaplah kita sama-sama mengamal dan mematuhi kepada undang-undang negara dan undang-undang agama kita. Kita mesti mematuhi, nombor satu kepada undang-undang Islam.

Seperkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya tidak sempat hendak bercakap dalam ucapan terima kasih kepada Kebawah Duli, Tuan Yang di-Pertua, saya suka berterus-terang, terutama kepada kita orang-orang Islam. Tiap-tiap perkara yang diharamkan oleh syarak, kita mesti berpantang, jangan kata tidak apa, jangan kata boleh. Masalah hendak buat itu lain. Ingat! Bukan suruh buat, tidak. Haram, tidak boleh buat. Tetapi kalau buat salah dari segi kita buat. Umpama, kita katakanlah judi - Islam sudah menetapkan itu haram. Dalam Nas Quran ada - Judi ini adalah haram. Firman Allah yang bermaksud: "Arak, judi, main nasib (masa main nasib yang pergi tanya tok bomoh begitu begini, cari tok bomoh Nasib aku ini bagaimana, jadi Perdana Menteri kah atau tidak, beginikah, begitukah, kaya atau tidak aku ini) - Najis "Kata Tuhan"

daripada perbuatan syaitan, maka menjauhilah kamu akan dia. Jadi, tiap-tiap benda seperti ini yang telah ijmak ulamak yang didatang oleh Quran dan Hadis dengan Nas, mesti kena kita iktikat haram dan kata haram walaupun kita berjudi. Buat apa berjudi, haram - apa jadi, aku hendak berjudi. Apa hukum zina - haram berzina. Tetapi buat apa berzina, aku hendak. Ini salah, dosa tetapi tidak keluar daripada Islam. Tetapi kalau kita kata halal, kita kata tidak apa berzina, kalau macam itu terkeluar kita daripada Islam.

Dengan sebab itulah, Tuan Yang di-Pertua, saya keluar air mata apabila saya membaca akhbar, kalau tidak silap saya pada awal bulan Februari, ada seorang yang sanggup hendak menanggung dosa. Saya menangis sungguh-sungguh. Jangan sebutlah namanya, sebab ia orang yang paling saya hormati sekali. Tetapi tergamak ia berkata begitu. Kalau dosa, salah - aku tanggung. Allah-hu-Akbar, Na'uzu billah minzalik. Ini tidak sesuai sama sekali kepada kita orang Islam bercakap begitu. Kalau kita hendak buat, kita buat, tetapi yang halal kata halal, yang haram kita kata haram. Jangan kita hendak tanggung dosa. Dosa tidak payah hendak tanggung. Tidak boleh, Siapa buat salah mencuri, orang lain tidak tanggung, Kerajaan tidak terima, hakim tidak terima. Siapa yang membuat salah dia tanggung. Tuhan Firman di dalam. Al-Quran yang bermaksud: "Sesiapa yang membuat kebaikan sebesar biji sawi, halus, dia akan menerima pembalasan dan Sesiapa yang membuat kejahatan, walau sekecil-kecil, benda dia akan menerima akibat buruk". Dosa jangan tanggung, api neraka bukannya dia, tidak boleh begitu.

Tuan Yang di-Pertua, api neraka ini, kalau mengikut keterangan Hadis seperti yang Tuhan kata, kalau takdir Allah campak ke dalam dunia ini sebesar lubang jarum, jatuh merecik dalam dunia ini nescaya terbakar dunia dan kering habis aegala air sungai dan air laut. Itulah panas tidak panasnya. Badan kita boleh tahan? Tidak boleh. Jadi, dengan sebab itulah kalau benda yang tidak boleh kita kata tidak boleh dan kita berikhtiar supaya benda itu dapat dihapuskan, Kalau pun tidak dihapuskan, kurangkan sedikitlah. Sedikit, sedikit, lama-lama tidak adalah. Kita kikis sedikit-sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, oleh hal yang demikian, saya merayu sebagai seorang rakyat yang taat setia kepada negara dan kepada pemimpin, yang kasih kepada pemimpin dan kepada negara, marilah sama-sama kita berfikir dengan sewajarnya. Mari sama-sama kita memikir dan mengkaji dengan sewajarnya, di mana dan dari mana kita datang. Di mana sekarang kita berada, ke mana kita akan pergi. Kita mesti soal perkara ini. Apakah tanggungjawab kita semasa kita hidup dalam dunia ini. Apakah tanggungjawab kita yang sebenar sebagai insan dan sebagai khalifah Allah, sebagai seorang manusia yang diberi tugas untuk memerintah dunia. Apa tugas, bagaimana tugas yang dikehendaki. Ini tidak ada kira lain, kalau gaji murah sedikit hendak mogok. Mujur dapat gaji. Kalau tidak bergaji kita kena bekerja. Kalau bergaji atau tidak bergaji, siapa yang hendak bertanggungjawab terhadap negara ini. Kalau kita semua ini tidak bertanggungjawab, siapa yang hendak bertanggungjawab. Yang dibayar gaji ini siapa yang jaga, kita hanya makan dan tidur sama. Bukan kita fikir cara itu. Masing-masing hendak jadi ketua, sampai

berbalah-balah kerana hendak menjadi ketua. Mu kata begitu, aku kata begini masing-masing. Tetapi, apa tanggungjawabnya. Itu yang kita hendak, iaitu perasaan bertanggungjawab, perasaan insaf dan sedar bahawasanya kita ini insan dan manusia, bukan benda atau makhluk, tetapi kita bertanggungjawab kepada negara dan kepada seluruh umat manusia.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Minta maaf. Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Noor, panjang lagi tidak? Sudah hendak selesai ucapan atau masih ada lagi?

**Tuan Haji Mohd. Noor bin Abdullah:** Hendak sambung lagi esok hari. **[Ketawa]**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kalau begitu besok boleh sambung.

**Tuan Haji Mohd. Noor bin Abdullah:** Insya Allah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sehingga jam 2.30, petang esok.

**Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.**